

ANNUAL REPORT 2002 LAPORAN TAHUNAN





## Kandungan Contents

3	<b>Rasional Kulit</b> <i>Cover Rationale</i>
3	<b>Visi Bank</b> <i>Bank's Vision</i>
4	<b>Lembaga Pengarah</b> <i>Board of Directors</i>
6	<b>Profil Lembaga Pengarah</b> <i>Board of Directors' Profile</i>
14	<b>Ringkasan Penyata Kewangan</b> <i>Financial Highlights</i>
16	<b>Struktur Organisasi</b> <i>Organisation Structure</i>
18	<b>Majlis Penasihat Syariah</b> <i>Syariah Advisory Council</i>
20	<b>Jawatankuasa Audit</b> <i>Audit Committee</i>
28	<b>Jawatankuasa Pengurusan</b> <i>Management Committee</i>
30	<b>Tadbir Urus Korporat</b> <i>Corporate Governance</i>
34	<b>Penyata Pengerusi</b> <i>Chairman's Statement</i>
42	<b>Kajian Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif</b> <i>President/Chief Executive Officer's Review</i>
54	<b>Peristiwa-Peristiwa Penting</b> <i>Important Events</i>
58	<b>Penyata Kewangan</b> <i>Financial Statements</i>
108	<b>Alamat</b> <i>Addresses</i>

Konsep "Berjabat tangan" adalah suatu simbol yang melambangkan bahawa suatu perjanjian telah dimeterai atau persetujuan telah dicapai. Ia amat sesuai kerana istilah muamalat bermaksud hubungan sesama insan. Ia menzahirkan semangat kerjasama iaitu salah satu daripada nilai yang diamalkan oleh Bank Muamalat.

*The concept revolves around a hand-shake, a gesture that symbolises a deal finalised and concluded. It is most apt as the name muamalat reflects relationship among human. It bespeaks of co-operation, one of the many good values practiced by Bank Muamalat.*

Bank Muamalat Malaysia Berhad beriltizam untuk menjadi sebuah Bank Islam yang Kukuh, Progresif dan Moden dengan penawaran produk-produk dan perkhidmatan yang inovatif, berkualiti dan kompetitif.

*Bank Muamalat Malaysia Berhad is committed to be a Strong, Progressive and Modern Islamic Bank offering innovative, quality and competitive products and services.*

## RASIONAL KULIT

## COVER RATIONALE

## VISI BANK

## BANK'S VISION



**Dari kiri ke kanan**  
*from left to right*

Encik Othman Abdullah

Tuan Haji Idrus Ismail

Encik Ashari Ayub

Datuk Ismail b. Haji Ahmad

Datin Azizah Mohd Jaafar

Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib

Dato' Azmi Abdullah

Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff

Encik Ismail Ibrahim

Encik Fazlur Rahman Ebrahim



**LEMBAGA  
PENGARAH**

*BOARD OF  
DIRECTORS*



#### **Datuk Ismail Bin Haji Ahmad**

Datuk Ismail bin Haji Ahmad dilantik sebagai Pengarah Bank Muamalat pada 13 Oktober 1999 dan seterusnya sebagai Pengerusi Bank. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dari Universiti Malaya dan kemudiannya memperolehi Sarjana dalam bidang Polisi Awam dan Pentadbiran dari Universiti Wisconsin, USA. Beliau pernah mengikuti Program Pengurusan Kanan yang dianjurkan oleh Harvard Business School.

Sebelum menyertai sektor swasta, beliau berkhidmat dengan cemerlang di dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia (1964-1995). Beliau pernah berkhidmat dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perusahaan Utama. Semasa bertugas dengan perkhidmatan Kerajaan, beliau pernah menyandang jawatan kanan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama (1976-1979) dan Ketua Pegawai Eksekutif di Suruhanjaya Perdagangan Komoditi (1980-1995).

Datuk Ismail juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah John Hancock Life Insurance (Malaysia) Berhad, Choo Bee Metal Industries Berhad dan Advanced Packaging Technology (M) Berhad.

*Datuk Ismail bin Haji Ahmad was appointed as a Director of the Bank on October 13, 1999 and was appointed as the Chairman of the Bank. He graduated from University Malaya with a Bachelor of Arts Degree with honours and later obtained his Masters Degree in Public Policy and Administration from the University of Wisconsin, USA. He had also attended the Senior Management Program conducted by the Harvard Business School.*

*Prior to joining the private sector, he had a distinguished career in the Malaysian Administrative and Diplomatic Service (1964-1995). He had served in the Prime Minister's Department, Ministry of Home Affairs and the Ministry of Primary Industries. While in the Government Service, he served in senior positions as the Deputy Secretary General of the Ministry of Primary Industries (1976-1979) and the Chief Executive Officer of the Commodities Trading Commission (1980-1995).*

*Datuk Ismail sits on the boards of John Hancock Life Insurance (Malaysia) Berhad, Choo Bee Metal Industries Berhad and Advanced Packaging Technology (M) Berhad.*



**Dato' Azmi Abdullah**

Dato' Azmi Abdullah menyertai Lembaga Pengarah Bank Muamalat pada bulan September 1999. Beliau merupakan Pengarah Eksekutif Bank Bumiputra Commerce Berhad. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) dengan Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1974.

Dato' Azmi mula berkhidmat dengan Bank of Commerce (Malaysia) Berhad pada bulan Jun 1979 dan telah berkhidmat dengan Bank tersebut selama 22 tahun dan menerima pendedahan secara meluas di dalam semua bidang perbankan.

Dato' Azmi juga menganggotai Lembaga Pengarah Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd. dan Commerce Volantia Sdn. Bhd., anak syarikat Commerce Asset-Holdings Berhad dan Pengarah Bumiputra-Commerce Leasing Berhad, Bumiputra-Commerce Factoring Berhad dan EPIC-I Sdn. Bhd., syarikat-syarikat subsidiari Bank Bumiputra Commerce Berhad. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah kepada ERF Sdn. Bhd. dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dato' Azmi juga adalah Ahli Majlis Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Ahli Jawatankuasa Tetap mewakili Malaysia dalam Jawatankuasa Pendidikan Majlis Perbankan ASEAN dan wakil Persatuan Bank-Bank Malaysia dalam Lembaga Penasihat Prancis bersama Kementerian Pembangunan Usahawan.

*Dato' Azmi Abdullah joined the Board of Directors of the Bank in September 1999. He is presently the Executive Director of Bumiputra Commerce Bank Berhad. He graduated with a BA (Econ) Hon. Degree from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in 1974.*

*He joined the former Bank of Commerce (Malaysia) Berhad in June 1979 and served the Bank for 22 years, having been vastly exposed in all areas of banking.*

*Dato' Azmi is also a Director of Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd. and Commerce Volantia Sdn. Bhd., subsidiary companies of Commerce Asset-Holdings Berhad and a Director of Bumiputra-Commerce Leasing Berhad, Bumiputra-Commerce Factoring Berhad and EPIC-I Sdn. Bhd., subsidiary companies of Bumiputra Commerce Bank Berhad. In addition, he serves on the Boards of ERF Sdn. Bhd. and Universiti Kebangsaan Malaysia.*

*Dato' Azmi is a Council Member of Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, a member of the Permanent Committee to represent Malaysia on the Education Committee for the ASEAN Banking Council and a representative for the Association of Banks in Malaysia on the Franchise Advisory Board with the Ministry of Entrepreneurial Development.*

## PROFIL LEMBAGA PENGARAH

## BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



#### **Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff**

Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff berkelulusan LL.B. (Hons) (S'Pore), LL.M. (King's London), FCI Arb (UK) of Lincoln's Inn, Barrister-at-law dan peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Agung Republik Singapura.

Beliau telah melibatkan diri selama 33 tahun dalam bidang guaman dan terlibat dalam perbankan Islam semenjak pengenalannya di Malaysia pada tahun 1983.

Encik Mohamed Ismail juga mengajar secara sambilan dalam bidang Undang-undang di Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau pernah mengemukakan kertas kerja berkaitan perundangan perbankan Islam dalam beberapa persidangan dan seminar dan pernah menulis artikel-artikel mengenainya.

Encik Mohamed Ismail merupakan ahli Lembaga Pengarah MI Capital Sdn. Bhd., Kolam Indah Holdings Sdn. Bhd., Permodalan Ikhtiar Sdn. Bhd. dan Penerbitan Premium Sdn. Bhd.

Beliau pernah berkhidmat dalam beberapa badan sukarela dan juga dalam Jawatankuasa Majlis Peguam.

*Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff LL.B. (Hons) (S'Pore), LL.M. (King's London), FCI Arb (UK) of Lincoln's Inn, Barrister-at-law, Advocate & Solicitor of the High Court of Malaya and the Supreme Court of the Republic of Singapore.*

*He has been in private legal practice for 33 years and been involved in Islamic banking since its introduction in Malaysia in 1983.*

*Encik Mohamed Ismail was a part-time lecturer in law at the University of Malaya and also at the International Islamic University of Malaysia. He has delivered papers on Islamic banking law at numerous conferences and seminars and has written articles on the same subject.*

*Encik Mohamed Ismail sits on the Board of MI Capital Sdn. Bhd., Kolam Indah Holdings Sdn. Bhd., Permodalan Ikhtiar Sdn. Bhd. and Penerbitan Premium Sdn. Bhd.*

*He has served in many social organisations and also in the local Bar Committee.*





**Encik Ismail Ibrahim**

Encik Ismail Ibrahim adalah pemegang Ijazah Perakaunan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1985. Beliau kini menyandang jawatan Pengurus Kanan Khazanah Nasional Berhad semenjak 1997. Beliau menyertai Khazanah Nasional Berhad sebagai Akauntan/Pengurus Kewangan pada tahun 1995. Beliau memulakan kerjaya pada 1985 dengan berkhidmat di Jabatan Akauntan Negara dengan menyandang jawatan Akauntan Perbendaharaan di Bahagian Pelaburan dan Pinjaman dan sebagai Timbalan Pengarah di Bahagian Pengurusan Dana. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.

Encik Ismail dilantik sebagai Pengarah Bank Muamalat pada 23 Mac 2001. Beliau merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Audit Bank.

*Encik Ismail Ibrahim holds a Degree in Accounting from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1985. He is currently the Senior Manager of Khazanah Nasional Berhad, a position he held since 1997. He joined Khazanah Nasional Berhad as Accountant/Finance Manager in 1995. He started his career in 1985 with the Accountant General's Department during which he served as Treasury Accountant in the Investments And Loans Division and as Assistant Director in the Funds Management Division. He is a member of the Malaysian Institute of Accountants.*

*Encik Ismail was appointed as a Director of the Bank on March 23, 2001. He is a non-Independent Non-Executive Director and also member of the Bank's Audit Committee.*

## PROFIL LEMBAGA PENGARAH

## BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



**Encik Ashari Ayub**

Encik Ashari Ayub menyertai Lembaga Pengarah Bank Muamalat pada bulan Julai 2001. Beliau adalah ahli kepada Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau adalah rakan kongsi kanan di dalam firma perakaunan antarabangsa sebelum bersara pada tahun 1994. Buat masa ini beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah dalam beberapa syarikat swasta dan syarikat tersenarai.

*Encik Ashari Ayub, joined the Board of Directors of the Bank in July 2001. He is a member of both the Malaysian Association of Certified Public Accountants and the Malaysian Institute of Accountants. He was a Senior Partner with an international accounting firm prior to his retirement in 1994. He is currently on the Board of Directors of several private and public listed companies.*



**Encik Othman Abdullah**

Encik Othman Abdullah mula berkhidmat sebagai Akauntan Perbendaharaan di Jabatan Akauntan Negara pada 1 April 1977. Dari 1 Januari 1987 hingga 30 Jun 1993 beliau telah dipinjamkan ke Lembaga Letrik Sabah sebagai Timbalan Pengurus Besar (Kewangan). Kini beliau berkhidmat sebagai Timbalan Akauntan Negara (Operasi) di Jabatan Akauntan Negara, Malaysia.

*Encik Othman Abdullah started his career as a Treasury Accountant at Accountant General's Department commencing April 1, 1977. From January 1, 1987 to June 30, 1993, he was seconded to the Sabah Electricity Board as Deputy General Manager (Finance). Currently he serves as Deputy Accountant General (Operation) at the Accountant General's Department, Malaysia.*



#### **Datin Azizah Mohd Jaafar**

Datin Azizah Mohd Jaafar adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bank Muamalat Malaysia Berhad. Berkelulusan Akauntan Bertauliah, beliau adalah seorang fellow Institut Akauntan Bertauliah di England & Wales. Beliau juga adalah ahli Persatuan Akauntan Awam Bertauliah, Malaysia (MACPA).

Kerjaya beliau dalam perkhidmatan Kerajaan termasuk menyandang beberapa jawatan di Jabatan Pemegang Amanah, Perbendaharaan Persekutuan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Akauntan Negara dengan jawatan terakhirnya sebagai Timbalan Akauntan Negara.

Dari tahun 1981 hingga 1992, beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Perdagangan Komoditi sebagai Timbalan Pesuruhjaya. Di antara 1995 hingga 2000, beliau berkhidmat dengan Suruhanjaya Sekuriti dengan jawatan sebagai Pengurus Besar di Jabatan Perancangan dan Pembangunan dan Jabatan Pelaburan dan Pengeluaran. Beliau pada masa kini adalah seorang pensyarah separuh masa di sebuah universiti tempatan.

*Datin Azizah Mohd Jaafar is an Independent Non-Executive Director of Bank Muamalat Malaysia Berhad. Qualified as a Chartered Accountant, she is a Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England & Wales. She is also a member of the Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA).*

*Her career in the Government sector included various positions held, among others, the Public Trustee Department, the Federal Treasury, the Ministry of Health and the Accountant General's Department where she last served as the Deputy Accountant General.*

*From 1981 to 1992 she was seconded as Deputy Commissioner of Commodities Trading with the Commodities Trading Commission. Between 1995 and 2000 she served with the Securities Commission where she held positions as General Manager in the Research & Development Department and the Investment & Issues Department. She is currently a part-time lecturer at a local university.*

## **PROFIL LEMBAGA PENGARAH**

## **BOARD OF DIRECTORS' PROFILE**



**Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib**

Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib, dilantik sebagai Pengurus Besar dan Setiausaha Syarikat Commerce Asset-Holdings Berhad pada 1 Januari 1992. Pada 1 Februari 1993, beliau juga telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat Bank of Commerce Malaysia Berhad. Encik Jamil berkelulusan jurusan Undang-Undang daripada University of London pada tahun 1975 dan Barrister-at-law daripada Lincoln's Inn, London.

Beliau pernah bertugas di dalam perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang selama 9 tahun sebagai Majistret, Hakim Mahkamah Tengah, Timbalan Pendakwaraya dan Penasihat Kanan Persekutuan sebelum menyertai Fleet Group Sdn. Bhd. sebagai Penasihat Undang-undang dan Setiausaha Syarikat pada tahun 1985. Beliau juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat Renong Berhad dari tahun 1990 hingga 1992. Dari Februari 1994 hingga Disember 1995, beliau bertugas sebagai Naib Presiden Kanan dalam urusan Perbankan Cawangan di Bank of Commerce Malaysia Berhad.

Beliau kini merupakan Pengarah AMAL Assurance Berhad, Commerce Asset Ventures Sdn. Bhd., Commerce Asset Fund Managers Sdn. Bhd., Commerce Trust Berhad, Commerce Asset Realty Sdn. Bhd., Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd., Commerce Asset Nominees Sdn. Bhd., BBMB Unit Trust Management Berhad dan Commerce Volantia Sdn. Bhd.

*Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib was appointed the General Manager and Company Secretary of Commerce Asset-Holdings Berhad on January 1, 1992. On February 1, 1993 he was also appointed the Company Secretary for Bank of Commerce Malaysia Berhad. Encik Jamil graduated in law from the University of London in 1975 and Barrister-at-law from Lincoln's Inn, London.*

*He has served in the government's Judicial and Legal Service for nine years as a Magistrate, Sessions Court Judge, Deputy Public Prosecutor and Senior Federal Counsel before joining Fleet Group Sdn. Bhd. as its Legal Adviser and Company Secretary in 1985. He was also the Company Secretary for Renong Berhad from 1990 to 1992. From February 1994 to December 1995 he was also the Senior Vice President for Branch Banking at Bank of Commerce Malaysia Berhad.*

*He is currently a Director of AMAL Assurance Berhad, Commerce Asset Ventures Sdn. Bhd., Commerce Asset Fund Managers Sdn. Bhd., Commerce Trust Berhad, Commerce Asset Realty Sdn. Bhd., Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd., Commerce Asset Nominees Sdn. Bhd., BBMB Unit Trust Management Berhad and Commerce Volantia Sdn. Bhd.*



**Encik Fazlur Rahman Ebrahim**

Encik Fazlur Rahman Ebrahim menyertai perkhidmatan Bank sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif pada 28 Januari 2003. Sebelum perantukan ini beliau merupakan Pengurus Besar 1, Operasi di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Beliau berpengalaman lebih dari 20 tahun dalam bidang perbankan setelah berkhidmat dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad dalam pelbagai bidang tugas termasuk mengurus Cawangan Utama Kuala Lumpur dan sebagai Ketua Bahagian Perbankan Korporat Bank dan pernah bertugas di Bumiputra Merchant Bankers Berhad. Encik Fazlur berkelulusan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan pada tahun 1980 dan menamatkan Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) pada tahun 1986 semasa masih berkhidmat dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

*Encik Fazlur Rahman Ebrahim joined the Bank as President/Chief Executive Officer on 28 January 2003. Prior to this appointment he was the General Manager 1, Operations of Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. He has more than 20 years experience in banking, having served in the then Bank Bumiputra Malaysia Berhad in various capacities including managing Kuala Lumpur Main Branch and heading the bank's Corporate Banking Division as well as a stint of duty at Bumiputra Merchant Bankers Berhad. Encik Fazlur obtained his Bachelor in Business Administration in 1980 and completed his Master in Business Administration (Finance) in 1986 while still serving Bank Bumiputra Malaysia Berhad.*



**Tuan Haji Idrus Ismail**

Tuan Haji Idrus Ismail merupakan Setiausaha Syarikat dan Penasihat Undang-Undang Bank. Beliau yang berkelayakan dalam bidang ekonomi dan perundangan pernah berkhidmat dengan sebuah institusi kewangan yang tersenarai dan mula berkhidmat di Bank Muamalat pada bulan Mac 2001.

*Tuan Haji Idrus Ismail is the Company Secretary and in-house counsel of the Bank. He is qualified in economics and law and was previously with a listed financial institution prior to joining Bank Muamalat in March 2001.*


## PROFIL LEMBAGA PENGARAH


## BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



	1999* (RM'000)	2000** (RM'000)	2001 (RM'000)	2002 (RM'000)
Jumlah Dana Pemegang Saham <i>Total Shareholders' Funds</i>	303,099	311,135	329,051	347,779
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat <i>Profit Before Taxation and Zakat</i>	14,354	8,240	18,375	18,196
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat <i>Profit After Taxation and Zakat</i>	13,354	8,036	17,916	18,728
Jumlah Aset <i>Total Assets</i>	3,508,818	5,121,428	5,445,742	6,561,482
Jumlah Deposit <i>Total Deposits</i>	3,031,825	4,326,464	4,965,251	6,029,351
Jumlah Pembiayaan <i>Total Financing</i>	1,083,937	1,813,481	2,091,802	2,312,405
Bil. Cawangan <i>No. of Branches</i>	40	40	40	40
Bil. Pusat Perkhidmatan <i>No. of Service Centres</i>	-	5	6	6
Bil. Cawangan Luar Pesisir / Labuan <i>No. of Offshore Branches / Labuan</i>	-	1	1	1
Bil. Pekerja <i>No. of Staff</i>	1,000	1,132	1,154	1,179


Tempoh / Period  
\* Okt 1999 - Mac 2000  
\*\* Apr 2000 - Dis 2000





## RINGKASAN PENYATA KEWANGAN

## FINANCIAL HIGHLIGHTS





## STRUKTUR ORGANISASI

## ORGANISATION STRUCTURE

MAJLIS PENASIHAT SYARIAH  
SYARIAH ADVISORY COUNCIL

JABATAN KESETIAUSAHAAN SYARIKAT & UNDANG-UNDANG  
COMPANY SECRETARIAL & LEGAL DEPT  
Idrus Ismail  
Naib Presiden Kanan  
Senior Vice President

PEMBANTU PERIBADI  
PERSONAL ASSISTANT  
Adhissalim Ali  
Penolong Naib Presiden  
Assistant Vice President

BAHAGIAN PERBANKAN RUNCIT  
RETAIL BANKING DIVISION  
Abd Rasid Abd Kadir  
Naib Presiden Eksekutif  
Executive Vice President

JABATAN PERBANKAN KONSUMER  
CONSUMER BANKING DEPT  
Yunos Abdul Ghani  
Naib Presiden  
Vice President

PEJ. KAW. TENGAH  
REGIONAL OFFICE CENTRAL  
Saleh Abdullah  
Naib Presiden  
Vice President

PEJ. KAW. UTARA  
REGIONAL OFFICE NORTHERN  
Azaddin Nisah Tasir  
Naib Presiden  
Vice President

PEJ. KAW. SELATAN  
REGIONAL OFFICE SOUTHERN  
Harizan Ali  
Naib Presiden  
Vice President

JABATAN PEMBANGUNAN USAHAWAN  
ENTREPRENEUR DEVELOPMENT DEPT  
Zainal Abidin Md Tahir  
Naib Presiden  
Vice President

JABATAN PENGURUSAN & PRESTASI CAIWANGAN  
BRANCH MANAGEMENT & PERFORMANCE DEPT  
Jamsaludin Salleh  
Naib Presiden  
Vice President

JABATAN KEWANGAN  
FINANCE DEPT  
Abdul Manon Sidik  
Naib Presiden Kanan  
Senior Vice President

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT  
CORPORATE COMMUNICATIONS DEPT  
Badraddin Othman  
Naib Presiden Kanan  
Senior Vice President

JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
HUMAN RESOURCE MANAGEMENT DEPT  
Zainuddin Ahmad  
Naib Presiden  
Vice President



Dari kiri ke kanan  
*from left to right*

Prof. Madya Md. Saleh Hj. Md. @ Hj. Ahmad  
*Associate Prof. Md. Saleh Hj. Md @ Hj. Ahmad*

Dr. Mohd Ali Baharom  
*Dr. Mohd Ali Baharom*

Prof. Madya Dr. Abdul Halim Muhammad  
*Associate Prof. Dr. Abdul Halim Muhammad*

Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bakar  
*Associate Prof. Dr. Mohd Daud Bakar*

Penolong Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali  
*Assistant Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali*



MAJLIS  
PENASIHAT  
SYARIAH

SYARIAH  
ADVISORY  
COUNCIL



**Encik Ashari Ayub**

Pengerusi / *Chairman*  
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
*Independent Non-Executive Director*



**Dato' Azmi Abdullah**

Pengarah Bukan Eksekutif  
*Non-Executive Director*



**Encik Mohamed Ismail  
Mohamed Shariff**

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
*Independent Non-Executive Director*



**Datin Azizah Mohd Jaafar**

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
*Independent Non-Executive Director*



**Encik Ismail Ibrahim**

Pengarah Bukan Eksekutif  
*Non-Executive Director*



**Tuan Haji Idrus Ismail**

Setiausaha Syarikat &  
Penasihat Undang-undang  
*Company Secretary & In-House Counsel*



**Tuan Haji Abu Yaziz Brahim**

Ketua Juruaudit Dalaman  
*Chief Internal Auditor*

**JAWATANKUASA  
AUDIT**

**AUDIT  
COMMITTEE**



Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah dalam tanggungjawab menyelia proses laporan kewangan, sistem kawalan dalaman, proses audit dan proses yang diambil Bank untuk memantau segala pematuhan undang-undang, peraturan dan kod tatatertib.

### **Keahlian**

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah yang majoritinya mesti terdiri daripada ahli-ahli bebas. Sekurang-kurangnya seorang ahli mesti mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan atau perakaunan. Jawatankuasa ini terdiri daripada :

Encik Ashari Ayub  
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas - Pengerusi

Encik Ismail Ibrahim  
Pengarah Bukan Eksekutif

Datin Azizah Mohd Jaafar  
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff  
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 21 Mac 2002)

Dato' Azmi Abdullah  
Pengarah Bukan Eksekutif (meletak jawatan pada 10 April 2002)

### **Bidang Kuasa**

Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa untuk mengadakan atau memberi kuasa bagi menyiasat sebarang perkara di dalam bidang tanggungjawabnya. Ia diberi kuasa untuk :-

- Melantik penasihat luaran, akauntan atau lain-lain untuk memberi nasihat kepada jawatankuasa atau membantu dalam mengadakan sesuatu penyiasatan.
- Meminta maklumat yang diperlukan daripada kakitangan yang dikehendaki dan mereka juga diarah untuk bekerjasama atas permintaan jawatankuasa atau dari pihak luar.
- Mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli Pengurusan, juruaudit luaran atau penasihat luar, apabila perlu.

### **Tugas dan Tanggungjawab**

Tugas dan tanggungjawab utama jawatankuasa adalah seperti berikut :-

- Mengkaji isu-isu penting berkaitan dengan perakaunan dan laporan termasuk transaksi-transaksi yang rumit atau kompleks dan bidang-bidang yang memerlukan pertimbangan yang matang dan pengumuman terkini bidang profesional atau dari pihak berkuasa.
- Mengkaji penyata kewangan tahunan dan menilai samada ia lengkap, selari dengan maklumat yang diketahui oleh ahli jawatankuasa dan mencerminkan prinsip-prinsip perakaunan yang sesuai.

- Mengkaji sistem kawalan dalaman Bank mengenai laporan kewangan tahunan dan sementara, termasuk bidang keselamatan dan kawalan teknologi maklumat .
- Mengkaji bersama pihak Pengurusan dan Ketua Audit Dalaman mengenai fungsi audit dalaman.
- Mengkaji bidang dan pendekatan juruaudit luaran termasuk menyelaraskan tugas audit dengan audit dalaman.
- Mengkaji prestasi juruaudit luaran dan melaksanakan tugas melantik atau melepaskan juruaudit. Dalam jangka waktu tertentu, mengadakan perjumpaan secara berasingan dengan juruaudit luaran untuk membincangkan isu-isu yang jawatankuasa atau juruaudit berpendapat perlu dibincangkan semasa ketiadaan pihak Pengurusan.
- Mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman.
- Secara tetap melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai aktiviti-aktiviti jawatankuasa, isu-isu dan cadangan-cadangan yang berkaitan.

Dalam tahun 2002, sembilan (9) mesyuarat Jawatankuasa Audit dan tiga (3) mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit diadakan. Kehadiran ahli-ahli jawatankuasa adalah seperti berikut :-

Encik Ashari Ayub	12/12
Encik Ismail Ibrahim	12/12
Datin Azizah Mohd Jaafar	11/12
Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff	9/9
Dato' Azmi Abdullah	2/3

#### **Fungsi Audit Dalaman**

Jawatankuasa Audit dibantu oleh Jabatan Audit Dalaman Bank. Jabatan ini merupakan jabatan penting dalam pasukan Pengurusan Bank. Ia akan membantu Bank dalam melaksanakan tugas-tugas secara efektif dengan penyediaan tahap dan perkhidmatan bernilai tambah yang munasabah.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi-fungsi audit dalaman berasaskan kepada rancangan audit yang telah dikaji oleh Jawatankuasa Audit. Rancangan tersebut akan mengambilkira kawalan dalaman, persekitaran risiko, hala tuju strategik dan objektif setiap unit yang beroperasi di dalam Bank. Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah mengkaji laporan audit dalaman yang disediakan oleh jabatan tersebut dan pihak Pengurusan akan mengambil tindakan ke atas syor yang dikemukakan.

Jabatan ini akan mempertingkatkan teknik pengauditan berasaskan risiko dan menggunakan tanda aras ini dengan membandingkannya dengan amalan-amalan terbaik dalam audit dalaman yang digunapakai untuk entiti penyedia perkhidmatan kewangan.

## **JAWATANKUASA AUDIT**

### **AUDIT COMMITTEE**



### Penyata Kawalan Dalaman

Lembaga Jawatankuasa Audit menyedari betapa perlu dan pentingnya satu sistem kawalan dalaman yang kukuh. Kawalan dalaman merupakan satu proses yang dicipta untuk memberi jaminan yang munasabah berhubung kejayaan Bank mencapai objektifnya dalam kategori berikut:

- \* keberkesanan dan Kecekapan operasi
- \* Kebolehpercayaan laporan kewangan
- \* Pematuhan undang-undang dan peraturan yang dikenakan

Sebagai satu proses, Kawalan Dalaman merupakan satu siri tindakan yang mempengaruhi aktiviti dan budaya Bank. Ia mempunyai lima komponen utama iaitu:

- \* Kawalan Persekitaran;
- \* Penilaian Risiko;
- \* Aktiviti Kawalan;
- \* Maklumat dan Komunikasi; dan
- \* Pemantauan

Pengurusan kanan memberi definisi serta memaklumkan mengenai persekitaran kawalan dalaman, iaitu rentak di peringkat atas melalui komitmen mereka kepada kecekapan, integriti dan nilai-nilai etika. Pemilihan rentak ini mempengaruhi struktur semua aktiviti Bank, termasuk polisi harian dan sikap kakitangan.

Pengurusan mengenalpasti dan menganalisis risiko dan hubungkaitnya dengan operasi, laporan kewangan dan objektif pematuhan. Mereka mewujudkan aktiviti kawalan iaitu polisi dan prosedur bagi mengenalpasti risiko dan memastikan yang laporan mengenainya dan objektif permatuannya tercapai.

Jabatan Audit Dalaman dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa proses-proses yang sedang berjalan bagi mengawal operasi di seluruh Bank telah diatur rapi dan berfungsi secara efektif. Jabatan Audit Dalaman juga bertanggungjawab untuk melaporkan kepada pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah mengenai kecukupan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman Bank, bersama-sama idea, nasihat dan cadangan bagi memperbaiki sistem tersebut.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memantau, menyelia dan menilai tugas-tugas dan tanggungjawab pihak pengurusan, Jabatan Audit Dalaman dan juruaudit luar kerana tugas-tugas dan tanggungjawab tersebut adalah sebahagian daripada proses bagi Bank mengawal operasinya. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menentukan semua isu besar yang dilaporkan oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan penasihat-penasihat luar yang lain telah diselesaikan dengan memuaskan. Akhirnya, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai semua perkara penting berhubung proses kawalan Bank.



The Audit Committee shall assist the Board of Directors in its oversight responsibilities for the financial reporting process, the system of internal control, the audit process, and the Bank's process for monitoring compliance with laws and regulations and the code of conduct.

#### **Membership**

The Audit Committee consists of members of the Board of Directors of whom the majority shall be independent members. At least one member shall have expertise in finance or accounting. The Committee comprises the following:

Encik Ashari Ayub  
Independent Non-Executive Director - Chairman

Encik Ismail Ibrahim  
Non-Executive Director

Datin Azizah Mohd Jaafar  
Independent Non-Executive Director

Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff (Appointed w.e.f 21 March 2002)  
Independent Non-Executive Director

Dato' Azmi Abdullah (Resigned w.e.f 10 April 2002)  
Non-Executive Director

#### **Authority**

The Audit Committee has the authority to conduct or authorize investigations into any matter within its scope of its responsibility. It is empowered to:-

- Retain outside counsel, accountants or others to advise the committee or assist in the conduct of an investigation.
- Seek any information it requires from employees, all of whom are directed to cooperate with the committee's requests or external parties.
- Meet with members of management, external auditors or outside counsel, as necessary.

## **JAWATANKUASA AUDIT**

### **AUDIT COMMITTEE**



### **Duties And Responsibilities**

*The primary duties and responsibilities of the Committee are as follows:-*

- *To review significant accounting and reporting issues, including complex or unusual transactions and highly judgmental areas, and recent professional and regulatory pronouncements.*
- *To review the annual financial statements, and consider whether they are complete, consistent with information known to committee members, and reflect appropriate accounting principles.*
- *To review the Bank's internal control over annual and interim financial reporting, including information technology security and control.*
- *To review with management and the Head of Internal Audit, the internal audit function.*
- *To review the external auditors' audit scope and approach, including coordination of audit effort with internal audit.*
- *To review the performance of the external auditors, and exercise final approval on the appointment or discharge of the auditors. On a regular basis, meet separately with the external auditors to discuss any matters that the committee or auditors believed should be discussed in the absence of management.*
- *To review the effectiveness of the internal control system.*
- *To regularly report to the Board of Directors about committee activities, issues and related recommendations.*

*In 2002, there were nine (9) Audit Committee meetings and three (3) Special Audit Committee meetings. The details of attendance of the Committee members are as follows:*

<i>Encik Ashari Ayub</i>	<i>12/12</i>
<i>Encik Ismail Ibrahim</i>	<i>12/12</i>
<i>Datin Azizah Mohd Jaafar</i>	<i>11/12</i>
<i>Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff</i>	<i>9/9</i>
<i>Data' Azmi Abdullah</i>	<i>2/3</i>

### **Internal Audit Function**

*The Audit Committee is supported by the Internal Audit Department. The department forms an important part of the management team. It will assist the Bank in its effective discharge of responsibilities by providing reasonable assurance and value-added service.*

*The Internal Audit Department undertakes internal audit functions based on an audit plan that is reviewed by the Audit Committee. The audit plan will take into consideration the internal controls, risk environment, strategic direction and objectives of the operating units of the Bank. The Audit Committee of the Board deliberates the internal audit reports prepared by the department and Management duly acts upon audit recommendations.*

*The department will further enhance its risk-based auditing techniques and benchmarks it against the best practices in internal auditing for financial services entities.*

### **Statement On Internal Control**

*The Audit Committee of the Board recognizes the need for, and the value of, a strong system of internal control. Internal control is a process designed to provide reasonable assurance regarding the achievement of the Bank's objectives in the following categories:*

- *Effectiveness and efficiency of operations*
- *Reliability of financial reporting*
- *Compliance with applicable laws and regulations*

*As a process, internal control is a series of actions that permeate the Bank's activities and culture. It has five major components; namely,*

- *Control Environment;*
- *Risk Assessment;*
- *Control Activities;*
- *Information and Communication; and*
- *Monitoring*

*Senior management defines and communicates the internal control environment, i.e., the "tone-at-the-top," by their commitment to competence, integrity, and ethical values. These choices pervade the structure of all Bank's activities, including day-to-day policies and the attitude of employees.*

*Management identifies and analyzes risk in association with their operational, financial reporting and compliance objectives. They develop control activities, i.e., policies and procedures, to identify risk and to ensure that their reporting and compliance objectives are met. They arrange information and communication systems so that all personnel receive a clear message regarding their role in the internal control system.*

*The Internal Audit Department is charged with the responsibility for ascertaining that the on-going processes for controlling operations throughout the Bank are adequately designed and are functioning in an effective manner. Internal Audit Department is also responsible for reporting to management and the Audit Committee of the Board on the adequacy and effectiveness of the Bank's systems of internal control, together with ideas, counsel, and recommendations to improve the systems.*

*The Audit Committee of the Board is responsible for monitoring, overseeing, and evaluating the duties and responsibilities of management, the Internal Audit Department, and the external auditors as those duties and responsibilities relate to the Bank's processes for controlling its operations. The committee is also responsible for determining that all major issues reported by internal auditor, the external auditor, and other outside advisors have been satisfactorily resolved. Finally, the committee is responsible for reporting to the full Board of Directors all-important matters pertaining to the Bank's controlling processes.*



**Dari kiri ke kanan (barisan belakang)**  
*from left to right (back row)*

**Abu Yazid Hj. Harun**

Naib Presiden, Jabatan Perbankan Komersil  
*Vice President, Commercial Banking Department*

**Khadijah Musa**

Penolong Kanan Naib Presiden,  
Jabatan Penyelaan dan Pemulihan Kredit  
*Senior Assistant Vice President,  
Credit Supervision & Recovery Department*

**Fahirurazi Hj. Yaacob**

Naib Presiden Kanan, Jabatan Perbendaharaan  
*Senior Vice President, Treasury Department*

**Zainuddin Ahmad**

Naib Presiden,  
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia  
*Vice President,  
Human Resource Management Department*

**Zainal Abidin Md Tahir**

Naib Presiden,  
Jabatan Pembangunan Usahawan  
*Vice President,  
Entrepreneur Development Department*

**Zakaria Saad**

Naib Presiden Kanan,  
Jabatan Perbankan Perniagaan  
*Senior Vice President,  
Business Banking Department*

**Azaddin Ngah Tasir**

Naib Presiden, Pejabat Kawasan Utara  
*Vice President, Regional Office Northern*

**Mustafa Lebai Awang**

Naib Presiden,  
Jabatan Pentadbiran dan Harta  
*Vice President,  
Administration and Property Department*

**Abu Yaziz Brahim**

Ketua Juruaudit Dalaman, Jabatan Audit Dalaman  
*Chief Internal Auditor, Internal Audit Department*

**Jamaludin Salleh**

Naib Presiden,  
Jabatan Pengurusan & Prestasi Cawangan  
*Vice President,  
Branch Management & Performance Department*

**Lukman Ismail**

Naib Presiden, Jabatan Teknologi Maklumat  
*Vice President, Information Technology Department*

**Badruddin Hj Othman**

Naib Presiden Kanan,  
Jabatan Komunikasi Korporat  
*Senior Vice President,  
Corporate Communications Department*

**Siti Rohani Atan**

Naib Presiden, Jabatan Pengurusan Risiko  
*Vice President, Risk Management Department*

**Ma'amor Che Alias**

Naib Presiden Kanan,  
Jabatan Perbankan Pelaburan  
*Senior Vice President,  
Investment Banking Department*

**Dari kiri ke kanan (barisan depan)**  
*from left to right (front row)*

**Idrus Ismail**

Naib Presiden Kanan,  
Jabatan Kesetiausahaan Syarikat dan Undang-Undang  
*Senior Vice President,  
Company Secretarial & Legal Department*

**Abdul Manan Sidik**

Naib Presiden Kanan, Jabatan Kewangan  
*Senior Vice President, Finance Department*

**Agos Haji Cholan**

Naib Presiden Eksekutif,  
Bahagian Perbankan Perniagaan  
*Executive Vice President,  
Business Banking Division*

**Fazlur Rahman Ebrahim**

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif  
*President/Chief Executive Officer*

**Abd Rasid Abd Kadir**

Naib Presiden Eksekutif, Bahagian Perbankan Runcit  
*Executive Vice President, Retail Banking Division*

**Sabar Abd Rahaman**

Naib Presiden Eksekutif, Bahagian Sokongan Korporat  
*Executive Vice President, Corporate Support Division*

**Zabidah Ismail**

Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan  
*Secretary to Management Committee*

## JAWATANKUASA PENGURUSAN

## MANAGEMENT COMMITTEE



Dari kiri ke kanan (*gambar Individu*)  
from left to right (*Individual shoot*)

**Hassan Ali**

Naib Presiden, Pejabat Kawasan Selatan  
*Vice President, Regional Office Southern*

**Md Roose Md Adam**

Penolong Kanan Naib Presiden,  
Jabatan Operasi  
*Senior Assistant Vice President,  
Operation Department*

**Salleh Abdullah**

Naib Presiden, Pejabat Kawasan Tengah  
*Vice President, Regional Office Central*

**Yunos Abd Ghani**

Naib Presiden, Jabatan Perbankan Konsumer  
*Vice President, Consumer Banking Department*



## Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) menggunakan rangkakerja Tadbir Urus Korporat seperti termaktub di dalam kod Tadbir Urus Malaysia dan juga amalan terbaik antarabangsa. Walaupun Bank Muamalat bukanlah sebuah entiti yang tersenarai, ia beriltizam untuk menentukan Tadbir Urus Korporat yang tinggi standad dapat dicapai.

Sebuah Lembaga Pengarah yang efektif mengetuai Bank. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas hala tuju strategik Bank dan kendalian urusniaga Bank yang tertib. Ia mempunyai tanggungjawab terakhir dalam semua urusan yang berkaitan operasi Perbankan.

Lembaga Pengarah terdiri daripada sembilan orang ahli dengan tiga Pengarah Bebas dan enam Pengarah mewakili pemegang saham terbesar iaitu Khazanah Nasional Berhad dan Commerce Asset-Holdings Berhad. Lembaga Pengarah mematuhi kriteria Pengarah-Pengarah Bebas seperti terdapat di dalam Garis Panduan Bank Negara Malaysia 1 (GP 1).

Ahli-ahli Lembaga Pengarah kini merangkumi individu-individu yang mempunyai kecekapan dan pengalaman yang pelbagai. Lembaga Pengarah mengkaji penyata kewangan Bank, prestasi unit-unit perniagaan, isu-isu strategik dan korporat dan faktor-faktor yang berkaitan dengan potensi risiko dalam urusan perniagaan Bank.

Lembaga Pengarah bermesyuarat mengikut jadual setiap bulan dan mesyuarat khas boleh juga diadakan jika perlu. Kertas-kertas untuk Lembaga Pengarah dihantar terlebih dahulu sebelum mesyuarat bagi menentukan perbincangan dapat diadakan dengan penumpuan yang jitu dan konstruktif.

Pada bulan Mac 2002 (1 Muharram 1423H), Bank telah diberikan lesen perbankan Islam bagi menggantikan lesen terdahulu yang dikeluarkan dibawah BAFIA 1989. Lesen komposit yang universal di bawah IBA 1983 mengesahkan status Bank sebagai sebuah Bank Islam penuh, iaitu yang kedua di negara ini selepas BIMB.

Pada bulan April 2002, Majlis Penasihat Syariah (MPS) telah ditubuhkan. Dengan ini Bank telah mematuhi peraturan IBA dan juga tataurusan persatuannya yang mensyaratkan penubuhan sebuah badan Syariah bagi memastikan Bank melaksanakan urusannya mengikut hukum-hukum Syariah. Ahli-ahli MPS terdiri daripada sarjana-sarjana yang terkemuka dengan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam ilmu Muamalat.

## **JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH**

Sejajar dengan amalan pentadbiran yang baik, tiga buah jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Cadangan Perlantikan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Terdiri dari ahli-ahli daripada Lembaga Pengarah, jawatankuasa-jawatankuasa ini akan membincangkan hal-hal yang berhubung dengan pengarah-pengarah dan pengurusan kanan Bank.

### **1. JAWATANKUASA CADANGAN PERLANTIKAN**

Menyediakan prosedur rasmi dan telus untuk melantik pengarah-pengarah dan ketua pegawai eksekutif serta menilai kecekapan setiap pengarah, Lembaga secara keseluruhannya, dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif serta pegawai-pegawai Pengurusan Kanan yang penting.

Fungsi utama jawatankuasa di atas adalah untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon untuk dilantik sebagai pengarah tambahan, memenuhi kekosongan jawatan biasa, menjalankan kajian semula tahunan terhadap pengarah-pengarah bukan eksekutif dan melakukan penilaian tahunan terhadap Lembaga Pengarah secara keseluruhannya.

Jawatankuasa ini diketuai oleh Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff, sementara ahli-ahli yang lain ialah Encik Ashari Ayub, Tuan Haji Othman Abdullah, Encik Ismail Ibrahim dan Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib.

### **2. JAWATANKUASA GANJARAN**

Menyediakan prosedur rasmi dan telus untuk mewujudkan polisi ganjaran bagi Pengarah-pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai Pengurusan Kanan yang penting serta memastikan ganjaran tersebut adalah kompetitif dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi perbankan Islam.

Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mencadangkan kepada Lembaga mengenai jumlah ganjaran untuk pengarah-pengarah eksekutif dan bukan eksekutif serta fi untuk jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff, sementara ahli-ahli yang lain ialah Y.Bhg Datuk Ismail Haji Ahmad, Encik Ismail Ibrahim dan Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib.

### **3. JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO**

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelia aktiviti Pengurus-pengurus Kanan dalam menguruskan kredit, pasaran, mudah tunai (kecairan), operasi, perundangan dan lain-lain risiko dan memastikan proses pengurusan risiko adalah tersedia dan berfungsi.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.Bhg Datin Azizah Mohd Jaafar, seorang pengarah bebas. Tiga orang lagi ahli terdiri daripada pengarah bukan eksekutif iaitu Encik Ashari Ayub, Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff dan Encik Ismail Ibrahim.



## Corporate Governance

*The Board of Directors of Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) adopts the corporate governance framework as stipulated in the Malaysian Code of Corporate Governance, as well as international best practices. Although the Bank is not a listed entity, BMMB nonetheless is committed to ensuring the highest standards of corporate governance are observed.*

*An effective Board leads the Bank. The Board is responsible for the strategic direction of the Bank and the proper business conduct. It has the ultimate responsibility for all matters affecting banking operations.*

*The Board comprised nine members with three independent directors and six representing major shareholders namely: Khazanah Nasional Berhad and Commerce Asset Holdings Berhad. The Board complies with the criteria of independent directors as provided in the Bank Negara Malaysia Garis Panduan 1 (GP 1).*

*The current Board comprises members with a mix of competence and experience. The Board reviews the financial statements of the Bank, the performance of business units, strategic and corporate issues and factors relating to potential risk in the business of the Bank.*

*The Board of Directors meet on a scheduled basis once every month and special board meetings may also be convened should the need arise. Board papers are sent in advance ahead of Board meetings to facilitate focused and constructive discussions.*

*In March 2002 (1 Muharram 1423H), the Bank was issued an Islamic banking licence to replace the previous one issued under BAFIA 1989. The composite, universal licence under the IBA 1983 confirmed the Bank's status as a full-fledged Islamic Bank, the second in the country after BIMB.*

*In April 2002, the Syariah Advisory Council (SAC) was established. With this, the Bank complied with the requirements of the IBA as well as its articles of association which prescribe the setting up of a syariah body to ensure the Bank conducts its affair in accordance with the syariah principles. Members of the SAC comprise scholars renown for their knowledge and experience in fiqh muamalat.*



### **Board Committees**

*In line with good governance, three Board committees were set up: the Nomination Committee, the Remuneration Committee and Risk Management Committee. With members from the Board of Directors, these committees would convene on matters pertaining to the directors and senior management personnel of the Bank.*

#### **1. Nomination Committee**

*To provide a formal and transparent procedure for the appointment of director and chief executive officer as well as assessment of effectiveness of individual directors, the Board as a whole and the performance of Chief Executive Officer and key Senior Management Officers.*

*The above committee's principal functions are to recommend to the Board candidates for appointment as additional directors, to fill up casual vacancies, to carry out an annual review of the non-executive directors and to perform an annual assessment of the Board as a whole.*

*The committee is headed by Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff and the other members are Encik Ashari Ayub, Tuan Haji Othman Abdullah, Encik Ismail Ibrahim and Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib.*

#### **2. Remuneration Committee**

*To provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive Officer and key Senior Management Officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with the Islamic bank's culture, objectives and strategy.*

*The committee is authorised to recommend to the Board the remuneration of the executive directors and non-executive directors of the Board, as well as the fees of the Board committees.*

*The committee is chaired by Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff and the other members are Y.Bhg Datuk Ismail bin Haji Ahmad, Encik Ismail Ibrahim and Encik Jamil Hajar Abdul Muttalib.*

#### **3. Risk Management Committee**

*The committee is to oversee Senior Management's activities in managing credit, market, liquidity, operational, legal and other risks and to ensure that the risk management process is in place and functioning.*

*The committee is chaired by Y.Bhg Datin Azizah Mohd Jaafar, an independent director. The three other non-executive directors as members are Encik Ashari Ayub, Encik Mohamed Ismail Mohamed Shariff and Encik Ismail Ibrahim.*



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya berbangga membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang diaudit untuk Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

#### **Persekitaran Operasi**

Dalam tahun kajian, ekonomi dunia banyak dipengaruhi oleh kelemahan struktur dan ketidaktentuan dalam pasaran antarabangsa. Bagaimanapun, ekonomi Malaysia mencapai perkembangan secara menyeluruh yang telah mengukuhkan daya tahannya. Pengeluaran Domestik Kasar (GDP) mengembang sebanyak 4.2% berbanding 0.4% pada tahun 2001 ekoran permintaan domestik yang kukuh dan prestasi eksport yang meningkat. Prestasi positif ini turut dialami oleh sektor perbankan Islam.



Dalam tahun 2002, industri perbankan Islam terus mengembang dengan penguasaan 8.9% jatah pasaran daripada keseluruhan sistem perbankan negara. Pembiayaan meningkat kepada 8.1% berbanding 6.5% pada 2001 dan deposit meningkat kepada 10.2% berbanding 9.5% pada 2001. Perkembangan yang memberangsangkan ini adalah ekoran pertumbuhan ekonomi yang dapat dikekalkan berkat perkongsian komitmen Bank Negara Malaysia dan industri perbankan Islam untuk membina sektor ini, seperti digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan.

#### **Pencapaian Kewangan**

Untuk tahun 2002, Bank mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM18.2 juta berbanding RM18.4 juta pada tahun 2001. Jumlah pendapatan operasi meningkat 13% daripada RM287 juta dalam tahun 2001 kepada RM324 juta pada tahun 2002. Aktiviti pembiayaan menyumbang pendapatan sebanyak RM141 juta sementara aktiviti pelaburan menjana pendapatan sebanyak RM114 juta. Hasil dari ini, Bank telah mengagihkan dividen dan hibah atau hadiah yang lebih tinggi kepada pendeposit iaitu sebanyak RM163 juta berbanding RM129 juta dalam tahun terdahulu.

Walaupun pendapatan operasi Bank meningkat, perbelanjaan overhead Bank juga turut meningkat dalam tahun 2002 dan ia telah menjejaskan keuntungan. Perbelanjaan tinggi ini secara keseluruhannya berkaitan pelaksanaan sistem IT baru bagi melengkapkan infrastruktur Bank untuk meningkatkan tahap kecekapan operasinya.

#### **Aset**

Jumlah aset Bank meningkat agak ketara sebanyak RM1.1 bilion atau 20% kepada RM6.6 bilion pada 31 Disember 2002. Bank telah mengekalkan pertumbuhannya sejak mula beroperasi pada tahun 1999. Bank menyumbang kira-kira 10% dalam jatah pasaran perbankan Islam dan adalah menjadi objektif Bank untuk terus memberi sumbangan bermakna bagi meningkatkan jatah pasarnya di masa hadapan.

### **Pembiayaan**

Bank telah mencapai pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 11% dalam pembiayaan pelanggan pada tahun 2002. Bank akan terus memberi penumpuan dalam Pembiayaan Dagangan dan Pembiayaan Kontrak yang telah menyumbang kepada peningkatan aset pembiayaannya. Pembiayaan terdiri daripada 34% di dalam bentuk pembelian rumah kediaman, 23% dalam bidang pembuatan dan 20% pembinaan. Setakat 31 Disember 2002, kira-kira 25% daripada RM2.5juta pembiayaan telah disalurkan kepada sektor Industri Kecil dan Sederhana selaras dengan objektif negara untuk mengukuhkan pertumbuhan sektor ekonomi domestik. Sebanyak 68% daripada jumlah pembiayaan adalah kepada pelanggan yang beragama Islam sementara 32% kepada bukan Islam dan ini menunjukkan bahawa produk dan perkhidmatan perbankan Islam telah dapat diterima oleh orang Islam dan juga yang bukan Islam.

### **Pelaburan dan Pasaran Modal Islam**

Potfolio pelaburan Bank meningkat sebanyak RM212juta dalam tahun kewangan kepada RM1,733 juta iaitu pertumbuhan sebanyak 14%.

Dalam Pasaran Modal Islam, Bank bertindak sebagai Pengatur dan Penasihat Bersama telah berjaya mengeluarkan Bond Bersiri berjumlah RM5.1bilion untuk PLUS. Kejayaan dalam perjanjian utama ini telah memperdalamkan penglibatan Bank dalam Pasaran Modal Islam.

Bank telah dianugerahkan dua lagi mandat untuk tahun kewangan ini dengan peranan sebagai Pengatur Utama Tunggal bagi menjana dana untuk sektor pembinaan dan infrastruktur dan ia dijangka selesai pada tahun 2003. Bank kini dalam proses untuk mengembangkan Jabatan Perbankan Pelaburan bagi mengambil peluang dari peningkatan permintaan untuk instrumen kewangan Islam. Adalah menjadi objektif Bank untuk menjadi peserta utama dan memfokus kepada perniagaan yang berasaskan fi.

### **Kualiti Aset**

Jumlah pembiayaan tidak berbayar bersih pada akhir tahun kewangan adalah sebanyak 7.8% dan Bank telah memperkenalkan strategi-strategi baru dalam usaha menerapkan budaya kredit, pengurusan risiko, pemuliharaan dan pengawasan kredit bagi meningkatkan kualiti asetnya.

### **Deposit**

Deposit daripada pelanggan menunjukkan peningkatan agak ketara sebanyak RM1,064 juta iaitu daripada RM4,965 juta dalam tahun kewangan sebelumnya kepada RM6,028 juta, dalam tahun 2002, iaitu pertumbuhan sebanyak 21%. Peningkatan ini lebih bermakna oleh kerana sebahagian besarnya adalah sumbangan dari Akaun Semasa. Peningkatan deposit Akaun Semasa telah meningkatkan komposisi deposit selaras dengan strategi meningkatkan dana dari sumber yang murah.

### **Kecukupan Modal**

Nisbah Risiko Modal Berwajaran (RWCR) Bank menurun daripada 13.2% dalam tahun 2001 kepada 12.2% hasil dari pertumbuhan dalam aset. Walau bagaimanapun, kedudukan Bank masih di tahap selesa untuk menyokong pelan perniagaannya.

## **PENYATA PENGERUSI**

## **CHAIRMAN'S STATEMENT**



### Rangkaian Cawangan

Rangkaian cawangan Bank kekal sebanyak 40 cawangan domestik disokong 6 pusat perkhidmatan yang terletak di pusat-pusat pengajian tinggi dan sebuah cawangan luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan.

Pengubahsuaian dan penaikan taraf cawangan-cawangan terus diberi penekanan bagi menyediakan persekitaran bekerja yang kondusif kepada semua kakitangan dan saluran penyampaian yang lebih baik untuk memenuhi keperluan dan ekspektasi pelanggan-pelanggan.

### Inisiatif Strategik

Bank akan terus melaksanakan tujuarah strategiknya dalam membina Bank berlandaskan Syariah yang moden, kukuh dan progresif dengan penawaran produk-produk dan perkhidmatan inovatif bagi memenuhi keperluan pelanggan. Matlamat utama Bank adalah untuk menjadikannya, bank Islam yang paling kompetitif dengan memfokuskan kepada produk-produk dan perkhidmatan inovatif yang mempunyai daya saing. Pada awal 2003, Bank telah memperkenalkan pembiayaan perumahan pelbagai kadar keuntungan dan melancarkan kemudahan sewa beli Islam untuk pembiayaan kenderaan serta pembiayaan peribadi untuk pelanggan perseorangan. Banyak lagi produk dan perkhidmatan akan diperkenalkan terutamanya dalam sektor runcit untuk memenuhi keperluan pelanggan yang semakin bertambah. Budaya kredit Bank yang berteraskan kejujuran, keadilan dan kesaksamaan diterapkan dan nilai-nilai yang sama digunakan dalam berurusan dengan para pelanggannya.

Pada akhir tahun 2002, kakitangan Bank berjumlah 1,174 meningkat 2% berbanding 1,154 pada tahun 2001. Pengambilan kakitangan baru adalah lebih terpilih untuk mengisi jawatan-jawatan tertentu terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan perbankan pelaburan. Bank juga memfokuskan kepada pembangunan sumber manusia dan latihan tenaga kerjanya di dalam bidang operasi perbankan. Kemudahan latihan disediakan di akademi latihan Bank dan juga di institut-institut latihan luar. Bank menganggap, semua kakitangan adalah asetnya yang terpenting, dan akan terus menyediakan latihan intensif untuk meningkatkan tahap kemahiran dan kecekapan mereka bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan efisien kepada para pelanggan.

Sistem teknologi maklumat yang canggih, Sistem Alitel, telah selesai dilaksanakan pada September 2002 di semua cawangan, pusat perkhidmatan dan Ibu Pejabat. Kakitangan telah mengikuti latihan yang intensif dan telah menyesuaikan diri dengan sistem IT yang baru ini. Sistem pemprosesan masa nyata ini membolehkan Bank menjalankan perniagaan dengan lebih efisien. Sistem-sistem IT yang lain sedang dikenalpasti dan sistem-sistem sedlada seperti Sistem Maklumat Pelanggan dan Sistem Pengurusan Kredit akan terus diperkembangkan untuk meningkatkan kecekapan operasi Bank secara keseluruhannya.

Bank juga akan terus menumpukan perhatian kepada kecekapan operasi dalamannya. Menyedari potensi terdedah kepada risiko kewangan dan bukan kewangan, Bank telah menggunakan pendekatan komprehensif pengurusan risiko selaras dengan amalan terbaik dan garis panduan Bank Negara Malaysia mengenainya. Satu Jawatankuasa Lembaga Pengarah mengenai Pengurusan Risiko telah diamanahkan untuk mengawal selia pengurusan risiko bersepadu Bank sementara di peringkat Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dipengerusikan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab melaksanakan sistem pengurusan risiko ini. Sistem pengurusan risiko bersepadu ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya dalam tahun 2004/2005.

### Prospek

Prospek untuk tahun 2003 dijangka akan terus mencabar memandangkan keadaan luaran yang masih tidak menentu. Pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM7.3bilion yang diumumkan oleh Kerajaan pada 21 Mei 2003 lalu telah menunjukkan impak yang baik ke atas ekonomi terutamanya dalam pasaran ekuiti, pasaran harta, perbelanjaan pengguna dan industri perbankan. Bank yakin pakej rangsangan tersebut akan menjana persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi sekitar 4.5% dalam tahun 2003.

Dalam tahun 2003, fokus utama Bank adalah untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan kakitangan khususnya dalam penggunaan sistem teknologi maklumat bagi memperbaiki produktiviti dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Jabatan Perbankan Pelaburan yang telah diperkemaskan, akan menumpukan aktiviti kepada penyediaan produk-produk yang inovatif bagi pasaran dalam negara dan antarabangsa, sementara Jabatan Perbankan Konsumer akan terus memberi penekanan kepada produk-produk konsumer yang kompetitif bagi memenuhi keperluan pelanggan yang meningkat. Harapan Bank ialah semoga langkah-langkah ini akan menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi dalam tahun-tahun mendatang, Inshaallah.

### Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terimakasih kepada semua kakitangan dan Pengurusan Bank, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Majlis Penasihat Syariah atas dedikasi, kerja keras dan komitmen yang ditunjukkan dalam khidmat mereka kepada Bank. Pihak Lembaga juga ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Mohd Shukri Hussin, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkhidmat sehingga 27 Januari 2003 atas segala sumbangan yang bermakna kepada Bank. Lembaga Pengarah ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau atas perantaraan baru beliau di Commerce Asset-Holdings Berhad. Kami juga ingin mengalu-alukan kedatangan Encik Fazlur Rahman Ebrahim yang mempunyai pengalaman luas dalam sektor perbankan, sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Bank yang baru dan mengucapkan selamat maju jaya dan kami akan terus memberikan sokongan yang padu kepada beliau sepanjang perkhidmatan beliau dengan Bank.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Khazanah Nasional Berhad dan Commerce Asset-Holdings Berhad atas sokongan dan panduan mereka yang berterusan. Kepada para pelanggan dan rakan niaga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sokongan padu sepanjang tahun. Semoga Allah S.W.T mengurniakan kita rahmat dan hidayah dalam usaha kita menuju ke arah pembinaan Bank Muamalat, Bank Islam yang kukuh, progresif dan moden.

**DATUK ISMAIL BIN HAJI AHMAD**  
**PENGERUSI**

**PENYATA  
PENGERUSI**

**CHAIRMAN'S  
STATEMENT**



*On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and the Audited Financial Statement of Bank Muamalat Malaysia Berhad for the financial year ended 31 December 2002.*

### **Operating Environment**

*During the year under review, the global economy was very much affected by structural weaknesses and uncertainties in the international market. However, the Malaysian economy achieved a broad-based growth which strengthened the resilience of the economy. The Gross Domestic Product (GDP) expanded by 4.2% compared to 0.4% in 2001 due to strong domestic demand and improved export performance. This positive performance was also felt in the Islamic banking sector.*

*In 2002, the Islamic banking industry continued to expand with the market share of Islamic banking assets constituting 8.9% of the total banking system in the country. The share of financing increased to 8.1% compared to 6.5% in 2001 and deposits to 10.2% against 9.5% in 2001. This encouraging growth was due to sustained economic growth and the shared commitment by the Bank Negara Malaysia and the Islamic banking industry to further develop the sector as outlined in the Financial Sector Masterplan (FSMP).*

### **Financial Performance**

*For the year 2002, the Bank recorded a slightly lower profit before taxation and zakat of RM18.2 million as against RM18.4 million recorded in 2001. Revenue from operations increased by 13% from RM287 million in 2001 to RM324 million in 2002. Financing activities contributed RM141 million in revenue while investments generated an income of RM114 million. As a result, the Bank distributed a higher dividend and hibah or gift to the depositors amounting to RM163 million as against RM129 million in the preceding year.*

*Although operating revenue increased by 13%, the Bank incurred higher overhead expenses in 2002, which affected the bottom line. The high expenses were mostly related to the implementation of the new IT system, which formed an integral part of the Bank's infrastructure to further improve its operational efficiency.*

### **Assets**

*Total assets of the Bank grew quite substantially by RM1.1 billion or 20% to stand at RM6.6 billion as at 31 December 2002. The Bank has maintained a steady growth in assets since it commenced operation in 1999. The Bank contributed about 10% of the market share in Islamic banking and our objective is to continue making significant contribution towards increasing the market share in future.*

### **Financing**

The Bank achieved an encouraging growth of 11% on financing of customers in 2002. The Bank continued to focus on Trade Financing and Contract Financing, which contributed significantly to the growth in financing assets. The distribution of financing comprised 34% for purchase of residential properties, 23% for manufacturing and 20% for construction. As at 31 December 2002, about 25% of total financing of about RM2.5 billion was extended to Small and Medium Scale Industries in line with the national objective of enhancing growth in this sector of the domestic economy. Financing to Muslims comprised 68% while to Non-Muslims 32%, an indication that Islamic banking products and services have been accepted by Muslims and Non-Muslims alike.

### **Investment and Islamic Capital Market**

The Bank's investment portfolio increased by RM212 million during the year to stand at RM1,733 million, reflecting a growth of 14%.

On Islamic capital market, the Bank has successfully managed the issuance of Serial Bond amounting to RM5.1 billion for PLUS acting as a Joint Arranger and Joint Advisor. The successful completion of this major deal has further deepened the Banks' involvement in the Islamic Capital Market.

The Bank secured two other mandates for the year where the Bank became the sole Lead Arranger to raise funds for the construction and infrastructure sectors, the completion of which is expected in 2003. The Bank is in the process of expanding its Investment Banking Department to take advantage of the increasing demand for Islamic financial instruments. It is the Bank's objective to be a niche player and focus on the fee-based income business.

### **Asset Quality**

The net non-performing financing at the end of financial year stood at 7.8% and the Bank has embarked on new strategies to strengthen its credit culture, risk management, recovery and monitoring functions in order to improve the asset quality.

### **Deposits**

Deposits from customers increased quite substantially by RM1,064 million from RM4,965 million the year before to RM6,029 million, reflecting a growth of 21%. The growth was more significant as the major increase in deposits was contributed by Current Accounts. The increase in current accounts deposit has improved the deposit mix in line with the strategy to mobilise cheaper sources of funds.

## **PENYATA PENGERUSI**

## **CHAIRMAN'S STATEMENT**



### **Capital Adequacy**

*The Bank's Risk Weighted Capital Ratio declined from 13.2% in 2001 to 12.2% as a result of assets growth. However, the position is still comfortable to support the Bank's business plan.*

### **Bank's Network**

*The Bank's network of branches remained at 40 domestic branches supported by 6 service centers located at Institutions of Higher Learning and 1 Offshore branch at Labuan International Offshore Financial Centre.*

*Renovations and upgrading of the branches continued to be undertaken to provide conducive working environment for the staff and better delivery channels to meet the needs and expectations of our customers.*

### **Strategic Initiatives**

*The Bank will continue to pursue its strategic direction of building the Bank into a modern, strong and progressive Islamic bank by offering innovative products and services to meet the needs of its customers. Our major goal is to transform Bank Muamalat into one of the most competitive Islamic banks, by focusing on our competitive advantages of innovative products and services. In early 2003, the Bank introduced the multi-tiered profit rates for home financing and the Bank has launched the Islamic hire purchase for motor vehicles and personal financing for individual customers. More products and services will be introduced especially in the retail sector to meet the growing needs of our customers. The credit culture of the Bank is based on Islamic values of integrity, justice and fairness and the same values are extended in our dealings with the customers.*

*At the end of 2002, the staff strength stood at 1,174 an increase of 2% compared to 1,154 in 2001. The intake of new staff was more selective for specific areas of responsibilities especially in information technology and investment banking. The Bank focused on human resource development and training covering various fields of banking operations. Training facilities are available at the Bank's own training academy and outside training institutions. We treat all staff as the most important assets of the Bank. We will continue to provide intensive training to upgrade the skills and the core competencies of the staff to further improve their capabilities so that we can continue to provide the best and the most efficient service to our customers.*

*The state of the art of our information technology system, the Alltel system, was fully installed by September 2002 at all branches, service centers and Head Office. The staff had undergone intensive training and were adapting well to the new operating IT system. The straight-through processing system enables the Bank to conduct its business more efficiently. Other IT systems are constantly being identified and existing applications like customer information and credit management solutions are continuously being upgraded to improve the overall operational efficiency of the Bank.*



The Bank will continue to focus on improving the internal operational efficiency. Recognizing the potential exposure to financial and non-financial risks, the Bank has adopted a comprehensive approach to risk management in accordance with the best practices and BNM Guidelines on Risk Management. A Board Committee on Risk Management has been entrusted with the responsibility of overseeing the Bank's integrated risk management while at the Management level, the CEO chairs the Bank's Risk Management Committee which is responsible for the implementation of the risk management system. A fully integrated risk management system is expected to be fully operational in 2004/2005.

#### **Prospects**

The prospects for 2003 will continue to be challenging because of the uncertainties in the external environment. The economic stimulus package of RM7.3 billion announced by the Government on May 21, 2003, is already showing favourable impact on the economy particularly in equities market, property market, consumer spending and the banking industry. We are confident that the stimulus package will create conducive environment for the economy to grow at about 4.5% in 2003.

#### **Acknowledgement**

On behalf of the Board, I would like to extend our appreciation and gratitude to all staff and management of the Bank, members of the Board of Directors, Syariah Advisory Council for their dedication, hard work and commitment given in the service of the Bank. The Board would like to record its appreciation to Encik Mohd Shukri Hussin, President/Chief Executive Officer of the Bank who served the Bank until January 27 2003, for his invaluable contributions. We wish him well in his new appointment at Commerce Asset-Holdings Berhad. We also would like to welcome Encik Fazlur Rahman Ebrahim who has extensive experience in banking as the new President/Chief Executive Officer of the Bank and wish him all the best wishes and assurances of support during his service with the Bank.

On behalf of the Board, I would like to extend our grateful thanks and appreciation to the Ministry of Finance, Bank Negara Malaysia, Khazanah Nasional Berhad and Commerce Asset-Holdings Berhad for their continued support and guidance. To our customers and business partners, I wish to record the Bank's sincere appreciation and gratitude for their solid support throughout the year. May Allah S.W.T give us the blessings and guidance as we move in our strategic direction of making Bank Muamalat a strong, progressive and modern Islamic bank.

**DATUK ISMAIL BIN HAJI AHMAD**  
CHAIRMAN

**PENYATA  
PENGURUSI**

**CHAIRMAN'S  
STATEMENT**



## **KAJIAN KESELURUHAN**

Perkembangan positif dalam tahun 2002 berbanding tahun 2001 memberi sedikit keselesaan dan keyakinan kepada Industri Perbankan. Kesan peperangan ke atas Iraq dan isu SARS yang telah melanda beberapa negara Asia telah reda menjelang suku kedua 2003. Ekorannya negara-negara terbabit lebih optimis dan industri perbankan diberi sedikit masa untuk memikirkan semula strateginya untuk maju ke hadapan.

Bagi Bank Muamalat, perkembangan positif ini telah memberi kesempatan kepadanya untuk mengkaji semula kedudukan dan strateginya. Keyakinan untuk menghadapi masa depannya adalah disandarkan kepada beberapa kelebihan antaranya; ia memiliki lesen perbankan Islam sepenuhnya, asas pelanggan yang kukuh dan pemegang saham yang berpengaruh dan strategik. Kelebihan-kelebihan ini akan digunakan sepenuhnya nanti. Walau bagaimanapun Bank perlu menangani beberapa kekurangannya termasuk pengetahuan jenama yang belum terdedah luas, paras harga produk-produk dan tahap pengetahuan serta kemahiran kakitangannya.

Menyedari bahawa persaingan sengit kesan dari perkembangan teknologi maklumat dan globalisasi, Bank perlu melihat peluang-peluang lain seperti membangunkan Pasaran Modal Islam terutama Sekuriti Hutang Persendirian Islam di samping meninjau peluang-peluang pasaran di luar negara.

## **OBJEKTIF KORPORAT**

Berdasarkan kepada analisis di atas, Bank telah menggariskan objektif korporatnya sehingga 2005 seperti berikut :-

### **Pertumbuhan dan Keuntungan**

Bank menasaskan 15% jatah pasaran dalam pembiayaan kasar, 16% jatah dalam deposit dan Pulangan ke Atas Aset sebanyak 1%.

### **Keberkesanan dan Kecekapan Operasi**

Bank menasaskan untuk mengurangkan nisbah kos dan pendapatan, mengukuhkan sistem dan kawalan operasi, menaiktarafkan sistem penyampaian dan saluran dan memperbaiki produktiviti melalui penyusunan semula proses perniagaan dan teknologi.

### **Pembangunan Produk dan Pemasaran**

Bank berhasrat mengukuhkan kedudukannya melalui penawaran produk dan perkhidmatan inovatif untuk memenuhi permintaan dari pelbagai segmen pasaran dengan harga yang kompetitif.

### **Perkhidmatan Pelanggan**

Bank akan menumpukan perhatiannya kepada peningkatan mutu perkhidmatannya setanding dengan yang terbaik dalam industri dan akan melaksanakan pelbagai aktiviti pengekalangan pelanggan.

### **Pengurusan Risiko**

Prosedur operasi standad diamalkan untuk mengurangkan beban risiko dan Bank akan melaksanakan ketekunan yang wajar untuk melindungi aset-asetnya.

## **Pembangunan Sumber Manusia**

Bank akan berusaha melengkapkan kakitangannya dengan pengetahuan, kemahiran dan motivasi bagi mencapai standad produktiviti, profesionalisma dan semangat yang tinggi setanding dengan yang terbaik dalam industri.

## **Imej Korporat**

Bank akan mengukuhkan kedudukannya sebagai Bank berlandaskan Syariah Islam utama yang mempunyai produk dan perkhidmatan yang berkualiti melalui pelaksanaan pengiklanan dan perhubungan awam yang terancang.

## **Struktur Korporat**

Untuk mencapai objektif ini, struktur organisasi Bank telah diperkemaskan untuk memberi tumpuan kepada pengkhususan tugas.

Struktur Ibu Pejabat Bank dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Perbankan Perniagaan, Perbankan Runcit dan Sokongan Korporat. Beberapa jabatan baru diwujudkan untuk membantu mencapai objektif korporat iaitu Jabatan Perbankan Komersil, Pembangunan Usahawan, Pengurusan Risiko, Perbankan Konsumer, Penyeliaan dan Pemulihan serta Pembangunan dan Prestasi Cawangan. Pengstrukturkan ini akan membolehkan setiap bahagian dan jabatan yang beroperasi di bawahnya menumpukan perhatian kepada pengkhususan dan perkhidmatan profesional kepada pelbagai jenis pelanggan. Usaha ini adalah bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia bagi meningkatkan keuntungan.

Fokus utama jabatan-jabatan tersebut ialah :-

### **Jabatan Perbankan Komersil**

Jabatan ini khusus untuk entiti perniagaan dengan modal berbayar di antara RM500,000 hingga RM20 juta terutamanya dalam industri-industri berkembang yang Bank belum lagi ceburi. Ia disokong oleh pusat-pusat komersil seluruh negara yang akan menyediakan jalinan pemasarannya.

### **Jabatan Pembangunan Usahawan**

Jabatan ini ditubuhkan untuk memberi penumpuan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) selaras dengan Rancangan Malaysia ke-8 (2001-2005). Ia akan menyedia dan menyelaras latihan kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana dalam bidang perancangan dan pengurusan kewangan dan mendedahkan usahawan kepada kemudahan pembiayaan-pembiayaan yang sesuai. Walaupun tidak memproses permohonan pembiayaan, Jabatan ini akan mempromosi kemudahan-kemudahan pembiayaan Bank kepada pelbagai lapisan masyarakat dan perniagaan serta sentiasa mengkaji pakej produk-produk sedia ada bagi memenuhi kehendak-kehendak sektor IKS. Jabatan ini juga berperanan mendedahkan orang Islam dan bukan Islam mengenai kemudahan-kemudahan di bawah Konsep Perbankan Islam. Ia akan membantu menghubungkan antara Bank, pelanggan-pelanggan IKS dan pelanggan-pelanggan perusahaan berskala besar. Ia juga membantu mengenalpasti Dana Bantuan Kerajaan yang disediakan untuk IKS.

Pihak Bank akan menyumbang kepada pembangunan IKS kerana ia merupakan tulang belakang kepada sektor perindustrian negara.

**KAJIAN  
PRESIDEN/KETUA  
PEGAWAI  
EKSEKUTIF**

*PRESIDENT / CHIEF  
EXECUTIVE OFFICER'S  
REVIEW*



### **Jabatan Pengurusan Risiko**

Jabatan ini ditubuhkan untuk menentukan bahawa Bank menggunakan rangkakerja pengurusan risiko bersepadu selaras dengan garis panduan Bank Negara Malaysia mengenai amalan-amalan terbaik dan juga garis panduan di bawah Basel Capital Accord II.

### **Jabatan Perbankan Konsumer**

Sebagai Jabatan penuh, ia khusus untuk membangun dan memasarkan produk runcit bagi mengembangkan dan memperdalamkan portfolio ini. Cawangan-cawangan Bank akan dijadikan saluran pemasarannya untuk memenuhi permintaan yang meningkat daripada pelanggan-pelanggan sediaada dan pelanggan-pelanggan yang berpotensi.

### **Jabatan Penyeliaan dan Pemulihan Kredit**

Jabatan ini yang diasingkan daripada unit pembiayaan, memberi tumpuan kepada pemulihan dan pemuliharaan pembiayaan tidak berbayar dan bermasalah. Bank berhasrat untuk menghadkan kadar NPF ke tahap yang lebih rendah daripada tahap industri melalui pengawasan dan langkah-langkah pemulihan yang berkesan.

### **Jabatan Pengurusan dan Prestasi Cawangan**

Menyedari peranan pentingnya dalam operasi dan kredit, ditambah dengan peranan barunya untuk menjual produk-produk insurans, Jabatan ini akan membantu dan menyelia cawangan-cawangan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapannya.

### **Jabatan Perbankan Pelaburan**

Jabatan ini berpotensi menjadi sumber utama pendapatan fi memandangkan pelanggan-pelanggan mula beralih daripada pinjaman biasa kepada Hutang Sekuriti Persendirian. Keupayaan Jabatan ini akan dipertingkatkan melalui pengambilan pegawai-pegawai baru yang akan membolehkan ia memainkan peranan utama dalam Pasaran Modal Islam.

Dengan penyusunan semula bahagian dan jabatan-jabatan ini, Bank berharap untuk memperbaiki kecekapan operasi dan tanggungjawabnya yang seterusnya akan meningkatkan kualiti produk serta perkhidmatannya.

### **STRATEGI**

Perubahan struktur organisasi Bank menyokong hasrat untuk menempatkannya sebagai Bank berlandaskan Syariah ulung yang mengutamakan kualiti sebagai pegangan, diktiraf sebagai satu kuasa yang perlu dihormati dan bersaing setanding dengan entiti Islam dan bukan Islam yang lain.

Bank akan mengamalkan strategi-strategi berikut bagi memenuhi objektif jangka panjangnya:-

## **Kualiti Aset**

Bank berhasrat untuk mempertingkatkan kualiti asetnya, proses pengurusan dan pengawalan melalui latihan kredit kepada semua kakitangan dan mengambil pegawai-pegawai kredit yang berkelayakan dan berpengalaman untuk semua tugas termasuk di Jabatan Audit Dalaman. Aktiviti ini akan dipertingkatkan apabila industri dan sub-sektor baru dikenalpasti. Dengan pengenalan sistem pengurusan risiko, proses penilaian kredit akan diperkukuhkan lagi. Untuk ini Bank telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kredit untuk mengawasi pengurusan risiko kredit.

Seksyen Analisis Kredit yang bebas juga ditubuhkan bagi memastikan Bank mengamalkan pemprosesan yang tinggi standadnya bagi mencapai portfolio aset yang berkualiti. Ini adalah selaras dengan panduan Bank Negara Malaysia mengenai amalan terbaik untuk pengurusan kredit dan risiko dalam usaha membina dan memperolehi budaya kredit yang baik untuk Bank. Dengan pelaksanaan semua ini, Bank berharap untuk mengurus NPF bersih dengan lebih baik kepada kira-kira 6%.

Kempen peningkatan deposit untuk memperbaiki komposisi dan nilai akan terus dijalankan dengan tujuan meningkatkan jatah portfolio deposit daripada sumber yang murah terutamanya akaun simpanan dan semasa.

## **Kecekapan dan Keberkesanan Operasi**

Cawangan-cawangan akan digunakan dengan berkesan sebagai saluran penyampaian utama untuk pemasaran produk-produk runcit yang disasarkan. Peningkatan dalam teknologi bagi memanfaatkan ekonomi berskala dan aliran kerja yang lebih baik akan diperkembangkan sementara keutuhan dan kebolehpercayaan pengurusan informasi dan sistem operasi Bank akan diperkukuhkan supaya proses membuat keputusan dapat dilakukan dengan cepat dan cekap.

Cawangan-cawangan juga akan digunakan sebagai agen jualan untuk produk-produk runcit Islam termasuk produk-produk insurans rakan niaga Bank. Dengan pendekatan ini, cawangan-cawangan dijangka akan menjadi lebih lengkap dan memperolehi keuntungan melalui produk-produk runcit tersebut.

## **Pembangunan Produk dan Pamasaran**

Untuk menentukan Bank bersedia sedia lantaran dorongan pelanggan dan pasaran, produk dan perkhidmatannya mestilah dianggap bernilai tinggi oleh pelanggan dan ia boleh dicapai melalui strategi paras harga, pembangunan produk baru, memperkembangkan produk-produk sediaada dan menajamkan kemahiran menjual di kalangan kakitangannya. Selain dari pengenalan produk-produk baru, Bank akan terus memberi penekanan ke atas tiga pasaran teras iaitu Pembiayaan Dagangan, Pembiayaan Projek dan Pasaran Modal Islam yang kini telah mempunyai jatah pasarannya sendiri. Bank akan terus melatih kakitangannya supaya mempunyai kepakaran dalam tiga bidang teras ini.

## **KAJIAN PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

*PRESIDENT / CHIEF  
EXECUTIVE OFFICER'S  
REVIEW*



## **Pembangunan Sumber Manusia dan Peningkatan Produktiviti**

Beberapa strategi akan dilaksanakan termasuk mewujudkan pelan tenaga kerja dan kerjaya, pengambilan dan peningkatan latihan untuk semua peringkat kakitangan, pengenalan ganjaran berdasarkan prestasi melalui sistem Balanced Score Card dan membina kualiti kepimpinan untuk kumpulan Pengurusan. Strategi-strategi ini akan membantu Bank meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran, profesionalisma dan produktiviti kakitangan setanding dengan industri.

## **Perkhidmatan Pelanggan**

Budaya berteraskan perkhidmatan akan dipertingkatkan di semua peringkat terutamanya di cawangan-cawangan yang menjadi saluran penyampaian utama untuk produk-produk konsumer dan runcit Bank.

Standad perkhidmatan, peningkatan mutu kerja dan sistem pengurusan informasi akan diperkenalkan di Ibu Pejabat dan cawangan-cawangan bagi memenuhi kehendak-kehendak ini. Aktiviti pengekalan pelanggan akan diperkenalkan sebagai program Bank yang tetap.

## **Pengurusan Risiko dan Perlindungan Aset**

Pengurusan risiko sebagai prosidur operasi diberi keutamaan untuk mengurangkan semua risiko Bank. Selain dari penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko di peringkat Lembaga Pengarah, satu Jawatankuasa Risiko peringkat Pengurusan yang dipengerusikan oleh Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif turut ditubuhkan bagi mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko Bank dan fungsi-fungsinya. Tugas-tugas ini kemudiannya akan dikendalikan oleh Pengurus Risiko yang berperanan mengesahkan sesuatu proses penilaian risiko Bank sebelum keputusan mengenainya dibuat.

## **Imej Korporat**

Pembinaan imej Bank akan terus dipertingkatkan melalui pengiklanan dan promosi produk-produk, perkhidmatan dan identiti korporat secara terancang dan konsisten. Aktiviti ini akan dilaksanakan melalui media komunikasi yang sesuai dan program perhubungan awam yang lain untuk meningkatkan nama Bank di mata masyarakat.

Pendekatan menyeluruh yang dilaksanakan akan meletakkan Bank pada asas yang kukuh untuk terus mencapai keuntungan terutamanya apabila berhadapan dengan persaingan yang sengit di tahun-tahun mendatang.

## **PROSPEK**

Ekonomi diramal berkembang sekitar 4.5% untuk keseluruhan tahun 2003 dan dengan suntikan pakej rangsangan Kerajaan sebanyak RM7.3 billion, kami yakin ekonomi akan terus mendapatkan semula momentumnya untuk berkembang pada akhir tahun 2003 dan 2004. Bank akan memanfaatkan peluang dari peningkatan aktiviti ekonomi dalam sektor runcit, IKS dan juga dari permintaan untuk Hutang Sekuriti Persendirian.

Dengan keadaan di atas, ditambah komitmen oleh semua pihak, kami yakin bahawa ekonomi negara akan tumbuh pada masa hadapan. Pandangan jauh dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita dalam merancang dan memimpin negara keluar dari segala kesulitan dalam masa yang singkat akan menghasilkan pertumbuhan negara, dan Bank Muamalat akan turut berkembang seiring dengannya. Bank komited untuk terus menyokong dan menyumbang kepada pelaksanaan ekonomi dan polisi kewangan negara.

## **PENGHARGAAN**

Bagi pihak Pengurusan, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah atas kepercayaan mereka kepada saya untuk memikul tanggungjawab sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif. Tugas-tugas di hadapan adalah sukar dan saya yakin segala beban akan lebih ringan dengan sokongan dan kerjasama Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa lain di Bank.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif terdahulu, Encik Mohd Shukri Hussin atas usaha beliau yang tidak kenal erti penat dalam meletakkan Bank pada asas yang kukuh walaupun dalam keadaan yang tidak menentu sepanjang tempoh tersebut.

Kepada semua ahli Pengurusan dan kakitangan, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sumbangan yang diberikan dan saya mengharapkan sokongan dan komitmen berterusan dalam melaksanakan pelan dan strategi yang telah dipersetujui oleh semua kakitangan sebagai satu pasukan.

Kepada Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan, Khazanah Nasional Berhad, Commerce Asset-Holdings Berhad, Jabatan Kerajaan, Badan-badan Korporat dan yang terpenting pelanggan-pelanggan kami, besar atau kecil, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan dan berharap untuk mendapatkan kerjasama dalam tahun-tahun mendatang.

Kami juga ingin merakamkan komitmen untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada anda seperti yang digariskan dalam motto kami, Bank Muamalat – Perbankan Untuk Semua.

**Fazlur Rahman Ebrahim**  
**Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif**

**KAJIAN  
PRESIDEN/KETUA  
PEGAWAI  
EKSEKUTIF**

*PRESIDENT / CHIEF  
EXECUTIVE OFFICER'S  
REVIEW*



## **GENERAL OVERVIEW**

*The positive development taking place in 2002 as compared to 2001 provided some comforts and confidence for the banking industry. The effects of the Iraq war and SARS issue, which affected most Asian countries abated drastically toward the 2nd quarter of 2003, thus giving these economies some optimism while the banking industry finds a breathing space to rethink its strategy to move on.*

*At the Bank's level the positive developments provide room for it to reposition itself and its strategies. The positive outlook and confidence in its future are based on its strengths namely, a full-fledged Islamic Banking licence, an established customer-base, influential and strategic shareholders, which it has not fully exploited. Concurrently, some of the inherent weaknesses need to be addressed which include low brand awareness, product pricing and level of staff knowledge and skills.*

*While recognizing the impending competition in the application of technology and the effects of globalisation, the Bank sees opportunities in developing Islamic Capital Market especially in the issuance of Islamic Private Debt Securities locally and at the same time tap the market opportunities abroad.*

## **CORPORATE OBJECTIVES**

*Based on the analysis, the Bank has set the following strategic corporate objectives until 2005.*

### **Growth And Profitability**

*The Bank targets a 15% market share in gross financing and 16% share of deposits of the Islamic financing and a Return of Assets of 1%.*

### **Operational Effectiveness And Efficiency**

*The Bank aims to reduce cost income ratio, strengthen operational system and control, upgrade its delivery system and channels and improve productivity through reengineered business process and technology.*

### **Product And Market Development**

*The Bank aims to reposition itself by offering additional innovative products and services that meet the demand from various market segments at competitive pricing.*

### **Customer Service**

*The Bank will focus its attention in upgrading the service level comparable to the best in the industry and will implement various activities for customer retention.*

### **Risk Management**

*The Bank is adopting a standard operating procedure to mitigate all risks and will exercise due diligence to protect its assets.*



### **Human Resource Development**

*The Bank shall strive to equip all staff with knowledge, skills and motivation and achieve a standard of productivity, professionalism and high morale comparable to the best in the industry.*

### **Corporate Image**

*The Bank will position itself as the premier Islamic Bank having a full range of quality financial products and services through planned advertising and public relations exercises.*

### **ORGANISATION STRUCTURE**

*To achieve the corporate objectives, the Bank's organization structure was revamped recently to give emphasis on specialization.*

*The Bank's Head Office structure is divided into 3 divisions namely Business Banking, Retail Banking and Corporate Support Divisions. A number of new departments were created to help achieve the corporate objectives namely Commercial Banking, Entrepreneur Development, Risk Management, Consumer Banking, Supervision and Recovery and Branch Management & Performance Departments. The emphasis on this reorganisation is to give impetus on specialisation, which will place each division and the operating departments under it in a position to focus on specialised and professional services to different set of customers in order to achieve the optimum utilisation of resources to increase profitability.*

*The main focus of the departments are:-*

#### **Commercial Banking Department**

*The Department will give emphasis on business entities with paid up capital of between RM500,000 to RM20million in business activities especially in growth industries the Bank has not concentrated in the past. The Department will be assisted by selected Commercial Centers throughout the country, which will provide the networking.*

#### **Entrepreneur Development Department**

*The Department was set up to focus on Small and Medium Scale Enterprises (SMEs) in line with the Government's 8th Malaysia Plan (2001-2005). The Department will provide and coordinate training to SMEs in areas of financial planning, financial management and assist in advising on appropriate facilities available for the SMEs. Although not directly involved in evaluation of financing proposals, the Department will promote Bank's financing facilities to the various business communities and will continuously review the existing product packages in meeting the demands of the SMEs. The Department too will educate Muslims and Non-Muslims on the facilities available under the Islamic banking concepts. It will facilitate the linkages for working relations between its SME customers, the Bank and large scale enterprise customers. It also assists in identifying and securing the Government-aided funds for the SMEs.*

*The Bank will provide meaningful guidance in the development of core SMEs that will eventually form the backbone of the nation's industrialisation linkages.*

**KAJIAN  
PRESIDEN/KETUA  
PEGAWAI  
EKSEKUTIF**

**PRESIDENT / CHIEF  
EXECUTIVE OFFICER'S  
REVIEW**



### **Risk Management Department**

*The Department was set up to ensure that the Bank adopts an integrated risk management framework in line with Bank Negara Malaysia guidelines on the best practises as well as guidelines provided under Basel Capital Accord II.*

### **Consumer Banking Department**

*It was created as a full-fledged department to develop and promote specialised products and services to retail and consumer clientele in line with the Banks' objective of expanding and deepening its retail portfolio. The Banks' branches will also be converted into retail delivery channels to support the increasing demands for retail and consumer products from existing and potential customers.*

### **Credit Supervision And Recovery Department**

*The Department was set up as a separate unit from the normal financing units in order to concentrate on recovery and rehabilitation of non performing and impaired financing. The Bank aims to curtail NPF to a level below the industry mark through effective monitoring and corrective measures.*

### **Branch Management And Performance Department**

*Recognising the roles that branches would play in performing various operation and credit functions in addition to the new roles they are assuming being agents for selling other products including insurance products, the Department will help in the supervision of these branch outlets to ensure their effectiveness and efficiency.*

### **Investment Banking Department**

*Besides establishing new departments, the existing Investment Banking Department as a potential major fee-based income earner for the Bank in the light of shift of customer focus from conventional loans or financing to private debt securities, will be revamped with expansion of its personnel and staff capabilities and the hiring of qualified investment bankers. The expansion of the Department will enable it to play a lead role in Islamic Capital Market in the country.*

*With the realignment of the functions of each division and department, the Bank hopes to improve its operational efficiency and the lines of responsibilities thus increasing accountability and quality of its products and services.*

## **STRATEGIES**

*The changes in the organisation structure will help support the corporate objectives of placing itself as a premier Islamic Bank, adopting quality as its motto, be recognised as a force to be reckoned with, and compete on equal footing with other Islamic and non-Islamic entities.*

*The Bank will adopt the following strategies to meet its long term objectives:-*

### **Asset Quality**

*The Bank intends to further improve its credit quality, management and control processes through credit training to all personal and the employment of qualified and experienced credit officers including in the Internal Audit Department. The process will be further enhanced with identification of industry and sub-sectors the Bank will concentrate on. With the introduction of Risk Management System, credit evaluation will be further strengthened. For this, the Bank has set up Credit Risk Management Committee to oversee credit-related risk management of the Bank.*

*In addition, an Independent Credit Analysis Section was set up to ensure that the Bank upholds a high standard of processing thus achieving quality in its assets portfolios. This is in line with Bank Negara Malaysia guidelines on the best practices for management of credit and risks in order to develop and attain a good credit culture for the Bank. Putting all this in place, the Bank hopes to better manage Net NPF to about 6%.*

*Deposit mobilization campaigns to improve deposit mix and value, would continue to be undertaken with the purpose of increasing the share of deposits portfolios from cheaper sources of funds especially from Current and Savings Accounts.*

### **Operational Effectiveness And Efficiency**

*Branches will be used effectively as the main delivery channels for targeted retail products. Improvements in technology to reap the economies of scale and better workflow will be streamlined, while the integrity and reliability of the Bank's Management Information and Operating System will be further enhanced to facilitate fast and efficient decision-making processes.*

*Branches will also be used as sales agents for Islamic retail products including insurance products of the Bank's business partners. With this approach, branches are expected to be self-sufficient and will be able to breakeven on retail products.*

### **Product And Market Development**

*To be market and customer driven, products and services offered will have high perceived value to customers and this will be achieved through pricing strategy, development of new products, enhancing the existing products and sharpening the selling skills of the staff. While introducing new products, the Bank will still continue to give emphasis on the three market niches namely Trade Financing, Project Financing and Islamic Capital Market that it has now established a market share, and will continue to train its personnel to be specialists in these areas.*

### **Human Resource Development And Productivity Improvements**

*A number of strategies will be adopted including the establishment of manpower and career plans, recruitment and enhancement of training for all levels of staff, introduction of performance-related reward through Balanced Score Card system and building leadership qualities for the Management group. These strategies will help the Bank raise the level of staff knowledge, skills, professionalism and productivity comparable to the industry.*

**KAJIAN  
PRESIDEN/KETUA  
PEGAWAI  
EKSEKUTIF**

**PRESIDENT / CHIEF  
EXECUTIVE OFFICER'S  
REVIEW**



### **Customer Service**

*Service-oriented culture will be further enhanced at all levels especially at the branches where there will be the main delivery channels for the Bank's consumer and retail products. Service standards, improved workflow and Management Information System will be introduced to meet these requirements at Head Office or at branch levels. Customer retention activities will also be introduced as Bank's regular programmes.*

### **Risk Management And Asset Protection**

*Risk Management as a Bank-wide operating procedure is being given priority to mitigate all risks of the Bank. Besides the establishment of Risk Management Committee at the Board level, a high level Risk Committee chaired by President/Chief Executive Officer was also formed to oversee the implementation of the Bank's risk management framework and the functions will be eventually executed through a Risk Manager who would sign off evaluations of the Bank's risks before a decision is made.*

### **Corporate Image**

*The Bank's image building will be further intensified through planned and consistent advertisements and promotions of its products, services and identity. The exercise will be implemented through appropriate communications medium and other public relations activities to enhance the Bank's visibility in the eyes of the public.*

*The holistic approach the Bank is adopting will lay a strong foundation for the Bank to stay profitable especially when facing stiff competition in the coming years.*

### **PROSPECTS**

*With the economy forecasted to grow around 4.5% for the whole of 2003, and boosted by introduction of the Government's stimulus package of RM7.3 billion, we are confident that the economy is poised to gather momentum again for the rest of 2003 and 2004. The Bank will seize the opportunity to benefit from growth in economic activities in the retail sector, SMEs as well as from demands for private debts securities.*

*Working under this condition, coupled with the commitment of all parties, we wish to reiterate our confidence in the future of the country's growth. The foresight and wisdom of our leaders to plan and steer the country out of difficulties in the shortest possible time will see the country and especially Bank Muamalat grow in tandem with it. The Bank is therefore committed to support and contribute to the implementation of the economic and financial policies of the nation.*

## **ACKNOWLEDGEMENT**

*On behalf of the Management, I would like to convey my gratitude to the Chairman and Members of the Board of Directors for their trust in me to carry out my responsibilities as President/Chief Executive Officer. The tasks ahead are indeed arduous and I am positive that the burdens would be lighter with the support and the understanding of the Board and various Committees of the Bank.*

*I would also like to take this opportunity to thank the former President/Chief Executive Officer, Encik Mohd Shukri Hussin for his untiring efforts to place the Bank in a strong foundation despite the uncertainties occurring during the period.*

*To all Management Members and staff, I wish to thank them for their contributions and I appeal for their continued support and commitment to carry out the plans and strategies that have been agreed by the staff working together as a team.*

*To Bank Negara Malaysia, the Ministry of Finance, Khazanah Nasional Berhad, Commerce Asset Holdings Berhad, Government department, corporations and most importantly our customers, big or small, I thank you for your patronage and support and hope to get the cooperation in years to come. We wish to place on record our commitment to serve you well as depicted in our motto, Bank Muamalat – Banking for Everyone.*

**Fazlur Rahman Ebrahim**  
**President/Chief Executive Officer**

**KAJIAN  
PRESIDEN/KETUA  
PEGAWAI  
EKSEKUTIF**

**PRESIDENT / CHIEF  
EXECUTIVE OFFICER'S  
REVIEW**



### 12 Januari / 12 January

Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Ibu Pejabat untuk merapatkan silaturrahim di antara warga Bank.

*Han Raya Aidilfitri gathering to build closer relationship among staff.*



### 30 Januari / 30 January

Peraduan penulisan Pembentukan Perkhidmatan Kaunter Berkualiti sebagai usaha menzahirkan prinsip-prinsip teras yang baik untuk diamalkan oleh setiap warga. Cawangan Ipoh telah meraih tempat pertama dan tempat kedua dan ketiga disandang oleh Cawangan Jalan Melaka dan Cawangan Segamat.

*Writing contest on 'Formation of Quality Counter Service' was held to inculcate good values and principles among the staff. Ipoh branch emerged as the winner, while Jalan Melaka and Segamat branch came in second and third respectively.*



### 13 Mac / 13 March

Bank Muamalat dengan kerjasama News Straits Times telah menganjurkan Program Akhbar Dalam Darjah pada bulan Mac 2002. Melalui program ini 20 buah sekolah anak angkat Bank seluruh Malaysia menerima 40 naskah NST setiap hari untuk tempoh 39 hari persekolahan.

*Bank Muamalat together with News Straits Times organized the 'Newspaper in Class' program on March 2002. Through this program, 20 of the Bank's adopted schools throughout Malaysia received 40 newspapers daily for a period of 39 schooling days.*



### 18 April / 18 April

Bank Muamalat Cawangan Kota Kinabalu bertempat di Asia City, telah dirasmikan perpindahannya oleh Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh Hj Harun, Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia.

*The relocation of Bank Muamalat's Kota Kinabalu branch at Asia City was officiated by the Deputy Governor of Bank Negara Malaysia, Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh Hj Harun.*



### 4 Mei / 4 May

Bank Muamalat telah menghantar kontinjen seramai 50 kakitangan untuk menyertai perhimpunan perpaduan semperna sambutan Hari Pekerja yang telah diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam.

*Bank Muamalat sent a contingent of 50 staff to take part in unity gathering in conjunction with Labor Day celebration at Stadium Malawati, Shah Alam.*





PERISTIWA -  
PERISTIWA  
PENTING

IMPORTANT  
EVENTS

**27 Mac / 27 March**

Minggu Pasaran Modal Islam Antarabangsa anjuran Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (ASLI) di Dewan Persidangan SC. Pihak Bank telah mengambil bahagian dengan membuka kaunter pameran sepanjang minggu tersebut. YAB Perdana Menteri sempat berkunjung ke ruang pameran Bank.

*The International Islamic Capital Market Week was organized by the Securities Commission (SC) and Asia Leadership and Strategy Institute (ASLI) at SC's convention hall. The Bank opened an exhibition counter throughout the week. The Honorable Prime Minister took time to visit the Bank's exhibition counter.*



### 5 Julai / 5 July

Pelancaran Mykad oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Zainal Abidin Zin. Penggunaan Mykad sebagai kad ATM sejajar arahan Bank Negara Malaysia agar institusi perbankan menggantikan kad ATM berjalur magnetik sediala dengan kad ATM baru berteknologi cip mulai Julai 2002. Bank Muamalat turut terlibat dalam program ini dan majlis pelancaran.

*Deputy Minister of Internal Affairs, YB Datuk Zainal Abidin Zin launched the ATM with Mykad application capability. The usage of Mykad as an ATM card is in line with the government's instruction to the Banking industry to change magnetic-based ATM cards to chip-based ATM cards beginning July 2002. Bank Muamalat took part in the programme and in the launch event.*



### 2 Ogos / 2 August

Kerajaan negeri Perak melalui Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perak (MAIAMP) telah bersetuju menerima sistem Autopay yang diperkenalkan oleh Bank Muamalat dalam urusan pembayaran elaun kepada guru Kafa di negeri Perak. Satu Majlis Menandatangani Surat Setuju Terima Sistem Autopay telah diadakan bertempat di Jabatan Agama Islam Perak (JAIIP).

*The Perak Government through Perak Malay Culture and Islamic Council (MAIAMP) agreed to use the Autopay system introduced by Bank Muamalat to pay allowances to Kafa teachers in Perak. A signing ceremony was held at Perak's Islamic Council Department.*



### 7 September / 7 September

Berkal kerjasama dan perancangan yang kukuh, proses perpindahan ke sistem IT yang baru, Sistem ALLTEL dari sistem lama, sistem SAFEII telah berjaya dilaksanakan. Sistem baru dengan pemprosesan secara terus telah memudahkan segala urusan.

*As a result of proper planning and strong collaboration, the migration process to a new IT system, ALLTEL system from the old system, SAFEII system was carried out successfully. The new system uses straight through process function to ease all dealings.*



### 19 & 20 Oktober / 19 & 20 October

Sambutan Hari Keluarga Ibu Pejabat telah diadakan di Port Dickson. Hari Keluarga ini telah dihadiri oleh lebih 800 orang terdiri daripada kakitangan dan keluarga dengan tujuan meningkatkan nilai kekeluargaan sesama warga. Sambutan yang sama diadakan di peringkat pejabat-pejabat kawasan.

*The Head Office Family Day celebration was held in Port Dickson. Over 800 staff and family members attended the event to promote good family values to the staff. Same celebrations were also held at regional offices.*





## PERISTIWA - PERISTIWA PENTING

## IMPORTANT EVENTS



### 23 Mei / 23 May

Bank telah memainkan peranan penting di dalam Pembiayaan Semula untuk projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad sebagai Pengatur Bersama, Penasihat Bersama dan Penasihat Syariah dalam bentuk Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajjil Sekuriti Hutang Islam sebanyak RM5.1 bilion.

Jabatan Perbankan Pelaburan telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan 2 mandat dan bertindak sebagai Pengatur di dalam transaksi berikut:

- Plasma Harta Sdn Bhd – Pembiayaan Islam Terbitan Bon sejumlah RM200 juta; dan
- Ireka Engineering and Construction Sdn Bhd – Pembiayaan Surat Perdagangan Islam/Program Terbitan Jangka Sederhana sejumlah RM100 juta.

Dalam usaha mempelbagaikan aktiviti, Bank turut bertindak sebagai Penaja Jamin dan Ahli Panel tender untuk transaksi antara Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad. Bank berhasrat memainkan peranan utama dalam Pasaran Modal Islam di negara ini.

*The Bank played an important role in refinancing for the North South Highway project as co-arranger, co-advisor and Syariah Advisor in the Al-Bai Bithaman Ajjil Security Islamic financing for RM5.1 bilion.*

*Investment Banking Department was trusted with 2 mandates and acted as Arranger for the following transactions:*

- Plasma Harta Sdn Bhd – RM200 million worth of Islamic Bonds*
- Ireka Engineering and Construction Sdn Bhd – RM100 million worth of Islamic Commercial Paper/Medium Term Note Programme*

*In an effort to diversify our activity, the Bank also acted as Sponsor and tender panel member for the transaction between Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd and Malaysian Industrial Development Finance Berhad. The Bank plans to play a leading role in the Islamic Capital Market in the country.*



## **Penyata Kewangan** *Financial Statements*

<b>59</b>	<b>Laporan Pengarah</b>
84	<i>Director's Report</i>
<b>63</b>	<b>Laporan Juruaudit</b>
88	<i>Report of the Auditors</i>
<b>64</b>	<b>Lembaran Imbangan</b>
89	<i>Balance Sheet</i>
<b>65</b>	<b>Penyata Pendapatan</b>
90	<i>Income Statement</i>
<b>66</b>	<b>Penyata Aliran Tunai</b>
91	<i>Cashflow Statements</i>
<b>67</b>	<b>Nota-Nota Akaun</b>
92	<i>Notes to the Accounts</i>

No. Syarikat: 6175-W

**BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH**

Pengarah-Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka beserta dengan akaun-akaun yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

**KEGIATAN UTAMA**

Kegiatan-kegiatan utama Bank adalah mengurusniaga di dalam Perbankan Islam dan menyediakan perkhidmatan kewangan yang berkaitan berlandaskan hukum-hukum Syarak. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan.

**KEPUTUSAN**

	RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	18,196
Cukai	(863)
Zakat	1,395
Keuntungan selepas cukai dan zakat	18,728
Pindahan kepada rizab berkanun	(9,364)
Keuntungan bagi tahun ini	9,364

Tiada dividen telah dibayar atau diisytihar oleh Bank semenjak akhir tahun sebelumnya. Lembaga pengarah tidak mencadangkan untuk membayar dividen bagi tahun semasa.

**RIZAB DAN PERUNTUKAN**

Tiada pindahan penting di dalam rizab atau peruntukan tahun ini selain daripada yang dibentangkan dalam akaun-akaun.

**PEMBIAYAAN LAPUK DAN RAGU**

Sebelum penyata kewangan Bank disediakan, Pengarah-Pengarah telah mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung menghapuskira pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan terhadap pembiayaan tidak berbayar. Pengarah-Pengarah berpuas hati bahawa kesemua pembiayaan yang dikenalpasti lapuk telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat terhadap pembiayaan tidak berbayar.

Pada tarikh laporan ini disediakan, Pengarah-Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan yang mungkin akan menyebabkan jumlah pembiayaan lapuk yang boleh dihapuskira, atau jumlah yang diperuntukkan bagi pembiayaan tidak berbayar di dalam akaun-akaun Bank tidak mencukupi ke peringkat yang menjejaskan.

**ASET SEMASA**

Sebelum penyata kewangan Bank disediakan, Pengarah-Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada pembiayaan yang nilainya tidak mungkin diperolehi melalui urusniaga biasa, telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh diperolehi.

Pada tarikh laporan ini disediakan, Pengarah-Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan yang mungkin akan menyebabkan nilai atas aset semasa di dalam akaun-akaun Bank mengelirukan.

**LAPORAN  
PENGARAH**



#### **KAEDAH PENILAIAN**

Pada tarikh laporan ini disediakan, Pengarah-Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan, yang mana apabila timbul, boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah-kaedah penilaian yang sedia ada ke atas aset-aset atau liabiliti-liabiliti di dalam akaun-akaun Bank yang mengelirukan atau tidak sesuai.

#### **KONTINGEN DAN LAIN-LAIN LIABILITI**

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud :-

- (i) sebarang gadalian ke atas aset Bank yang timbul sejak berakhirnya tahun kewangan yang menjamin liabiliti-liabiliti pihak lain; atau
- (ii) sebarang kontingen liabiliti Bank yang timbul sejak berakhirnya tahun kewangan selain daripada urusan biasa perbankan.

Tidak ada kontingen liabiliti atau lain-lain liabiliti Bank yang telah atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tempoh kewangan ini, yang mana menurut pendapat Pengarah-Pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Bank untuk menepati obligasi tersebut bila tiba masanya.

#### **PERUBAHAN KEADAAN**

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-Pengarah tidak mempunyai maklumat tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau akaun-akaun Bank, yang akan menyebabkan mana-mana akaun yang dinyatakan dalam akaun-akaun ini mengelirukan.

#### **BUTIRAN YANG BERSIFAT LUARBIASA**

Pada pendapat Pengarah-Pengarah :-

- (a) hasil kendalian Bank bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketaranya oleh sebarang butiran, urusan atau peristiwa penting dan luar jangkaan; dan
- (b) di dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang butiran, urusan atau peristiwa penting dan luar jangkaan yang akan memberi kesan langsung atas hasil kendalian Bank bagi tahun kewangan di mana laporan ini telah dibuat.

#### **PENGARAH**

Pengarah-Pengarah Bank yang menyandang jawatan semenjak tarikh laporan yang lepas dan tarikh laporan ini adalah seperti berikut :-

Datuk Ismail bin Haji Ahmad

Dato' Azmi Abdullah

Mohd. Ismail Mohamed Shariff

Ismail Ibrahim

Ashari Ayub

Datin Azizah Bte. Mohd. Jaafar

Tuan Hj. Othman Abdullah

Jamil Hajar Abdul Muttalib

Fazlur Rahman Ebrahim

Mohd. Shukri Hussin

(dilentik pada 27 Januari 2003)

(meletak jawatan pada 27 Januari 2003)

Menurut daftar yang disimpan selaras dengan Seksyen 134 Akta Syarikat 1965, tiada Pengarah yang menyandang jawatan di dalam Bank pada akhir tahun kewangan, mempunyai kepentingan saham di dalam Bank.

## **GANJARAN PARA PENGARAH**

Tidak terdapat sebarang ketetapan dibuat di akhir tahun kewangan ataupun sepanjang tahun kewangan Bank sebagai satu pihak, di mana Pengarah-Pengarah mungkin mendapat ganjaran melalui perolehan saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat.

Semenjak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah Bank telah menerima atau berhak menerima sebarang ganjaran (melainkan ganjaran yang telah diambil kira dalam jumlah emolumen yang diterima atau akan diterima dan yang belum diterima oleh Pengarah-Pengarah seperti yang dinyatakan di dalam akaun, atau gaji tetap pekerja Bank sepenuh masa) melalui kontrak yang ditandatangani oleh Bank atau perbadanan berkaitan di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

## **SYARIKAT INDUK**

Syarikat Induk Bank adalah Khazanah Nasional Berhad yang diperbadankan di Malaysia.

## **PELAN PERNIAGAAN 2003**

Strategi Bank di dalam memperbaiki nisbah pembiayaan ke atas deposit dan meningkatkan penguasaan pasaran di dalam pasaran Perbankan Islam akan diberi keutamaan. Untuk mencapai objektif ini, fokus yang ada sekarang kepada tiga segmen pasaran iaitu Pembiayaan Projek dan Kontrak, Pembiayaan Dagangan dan Pasaran Modal Islam akan terus dipertingkatkan.

Bank pada masa yang sama akan memeriksa semula peluang-peluang di dalam tiga sektor utama iaitu korporat, komersil dan pengguna supaya dapat menembusi pasaran yang belum pernah diceburi dan di mana ia mempunyai keupayaan membangun kecekapan tertentu terutama di dalam sektor ekonomi utama iaitu pembuatan, perkhidmatan, infrastruktur dan pasaran pengguna yang disasarkan kepada kumpulan berpendapatan stabil dan bernilai tinggi.

Pengstruktur dan pengubahsuaian jabatan-jabatan tertentu di ibu pejabat dan cawangan-cawangan untuk mencapai matlamat baru ini, akan terus dilakukan bagi menghadapi cabaran di masa hadapan.

Kecekapan operasi Bank dijangka bertambah baik dengan selesainya perpindahan IT ke platform baru. Kecekapan kakitangan akan ditingkatkan dengan sistem baru ini, yang akan menyokong perancangan perniagaan Bank untuk memenuhi keperluan pelanggan.

## **PROSPEK BAGI 2003**

Setelah menunjukkan prestasi yang agak baik di dalam 2002, ramalan terhadap pasaran eksport untuk 2003 adalah tidak menentu kerana pemulihan dari kesan kelembapan ekonomi pada 2001 belum mantap sebagaimana yang diharapkan untuk mendorong pertumbuhan ekonomi negara.

Eksport Malaysia adalah sederhana pada suku pertama tahun lalu. Ini mungkin penyebab utama ekonomi negara kurang mantap dalam suku pertama tahun ini. Walaupun keyakinan perniagaan merosot, sistem perbankan masih kuat dengan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) pada 13% pada akhir Januari 2003. Nisbah pinjaman kepada deposit masih tinggi dalam lingkungan 85%. Dalam 2003, sektor perbankan dijangka masih kuat dan menguntungkan.

Jatah pasaran Perbankan Islam terus berkembang di dalam sistem perbankan kepada 7.3% and 12% masing-masing di dalam pembiayaan dan deposit. Perbankan Islam juga meningkat setahap lagi bila Malaysia telah dipilih sebagai Ibu Pejabat kepada Sekretariat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam.

Serangan ke atas Iraq dan Wabak Sindrom Pernafasan Akut (SARS) boleh memberi kesan kepada ekonomi negara dan pertumbuhan dijangka dikaji semula ke bawah. Walau bagaimanapun, infrastruktur yang teguh serta faktor kos yang rendah secara relatif akan menyediakan asas yang baik untuk industri berasaskan perkhidmatan. Oleh itu, untuk jangka sederhana, kita akan melihat sedikit pergerakan di dalam sumber pertumbuhan dari pembuatan kepada industri berasaskan perkhidmatan seperti pelancongan, pendidikan dan pengurusan pelabuhan.



## **JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah  
bersesuaian dengan resolusi Lembaga Pengarah,

**DATUK ISMAIL HAJI AHMAD**

Pengarah

**FAZLUR RAHMAN EBRAHIM**

Pengarah

Kuala Lumpur,  
Malaysia  
Bertarikh: 18 April 2003

## **PENYATA PENGARAH-PENGARAH MENGIKUT KEHENDAK SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT 1965**

Kami, DATUK ISMAIL HAJI AHMAD dan FAZLUR RAHMAN EBRAHIM, dua daripada Pengarah-Pengarah BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengarah-Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 64 hingga 82 disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia, diubahsuai oleh Garispanduan Bank Negara Malaysia menepati kehendak prinsip-prinsip syariah sedemikian untuk memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan Bank pada 31 Disember 2002 dan keputusan-keputusan dan aliran tunai pada akhir tahun.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah  
bersesuaian dengan resolusi Lembaga Pengarah,

**DATUK ISMAIL HAJI AHMAD**

Pengarah

**FAZLUR RAHMAN EBRAHIM**

Pengarah

Kuala Lumpur,  
Malaysia

Bertarikh: 18 April 2003

## **AKAUN BERKANUN MENGIKUT KEHENDAK SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT 1965**

Saya, ABDUL MANAN SIDIK, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD, dengan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 64 hingga 82 adalah pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kesedaran bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akaun Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh ABDUL MANAN SIDIK di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 18 April 2003

**ABDUL MANAN SIDIK**

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah  
Kuala Lumpur,  
Malaysia

Bertarikh: 18 April 2003

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang tertera di halaman 64 hingga 82. Penyediaan penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para Pengarah Bank. Tanggungjawab kami adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan kami.

Pengauditan kami adalah sejajar dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian ini memerlukan kami merancang dan melakukan audit supaya memperolehi kepastian yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut adalah bebas daripada kesalahan yang nyata. Sesuatu audit itu meliputi pemeriksaan, secara menguji bukti yang menyokong amaun-amaun dan pendedahan-pendedahan di dalam penyata kewangan. Sesuatu audit itu juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran ketara yang dibuat oleh para Pengarah, serta penaksiran persembahan penyata kewangan pada keseluruhannya. Kami percaya bahawa pengauditan kami membekalkan satu dasar yang munasabah ke atas pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- a) akaun-akaun, yang telah diubahsuai mengikuti prinsip-prinsip Syariah, telah disediakan dengan sewajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965, piawaian perakaunan yang diluluskan dan Garispanduan Bank Negara Malaysia, dan memberi pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan urusan kewangan Bank pada 31 Disember 2002 dan keputusan Bank serta aliran wang tunai Bank bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut; dan
- b) perkara-perkara perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 telah dikendalikan oleh Bank dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

ERNST & YOUNG  
AF:0039  
Akauntan Awam

DATO' NORDIN BAHARUDDIN  
837/3/04(J)  
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur,  
Malaysia.  
Bertarikh: 18 April 2003

**LAPORAN  
JURUAUDIT**

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2002 (26 SYAWAL 1423)**

	Nota	2002 RM '000	2001 RM '000
<b>ASET</b>			
Wang tunai dan dana jangka pendek	4	39,963	36,741
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	5	1,635,761	1,158,700
Sekuriti Dagangan	6	689,584	523,883
Sekuriti Pelaburan	7	1,733,130	1,521,455
Pembiayaan pelanggan	8	2,160,042	1,968,617
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	9	175,327	150,779
Lain-lain belum terima	10	36,351	22,535
Harta, kilang dan peralatan	11	62,265	55,951
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	12	5	5
Jumlah terhutang dari syarikat berkaitan	13	29,054	-
<b>JUMLAH ASET</b>		<b><u>6,561,482</u></b>	<b><u>5,438,666</u></b>
<b>LIABILITI</b>			
Deposit dari pelanggan	14	6,029,351	4,965,251
Deposit dan penempatan oleh institusi-institusi kewangan	15	104,006	-
Bil dan penerimaan belum bayar		31,350	20,705
Jualan sekuriti di bawah perjanjian belibalik		-	43,475
Lain-lain belum bayar	16	48,541	63,024
Peruntukan untuk Zakat		455	2,310
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	13	-	14,850
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b><u>6,213,703</u></b>	<b><u>5,109,615</u></b>
<b>DANA PEMEGANG SAHAM</b>			
Modal saham	17	225,846	225,846
Rizab	18	121,933	103,205
		<b><u>347,779</u></b>	<b><u>329,051</u></b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM</b>		<b><u>6,561,482</u></b>	<b><u>5,438,666</u></b>
<b>ILTIZAM DAN LUAR JANGKAAN</b>	26	<b><u>1,240,379</u></b>	<b><u>705,197</u></b>

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca berdasarkan kepada nota-nota di muka surat 67 hingga 82



**LEMBARAN  
IMBANGAN**

**PENYATA  
PENDAPATAN**

**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002 (26 SYAWAL 1423)**

	Nota	2002 RM '000	2001 RM '000
Pendapatan hasil daripada pelaburan dana pendeposit	19(a)	281,715	240,860
Pendapatan kepada pendeposit		(162,707)	(129,410)
Pendapatan bersih		119,008	111,450
Pendapatan hasil daripada pelaburan dana pemegang saham	19(b)	14,891	16,173
Pendapatan kepada pemegang saham		133,899	127,623
Pendapatan lain-lain		27,894	30,184
Jumlah pendapatan operasi		161,793	157,807
Kerugian pembiayaan dan peruntukan, selepas bayaran balik	20(a)	(29,398)	(36,583)
		132,395	121,224
Perbelanjaan overhead	20(b)	(114,199)	(102,849)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		18,196	18,375
Zakat	23	1,395	(459)
Peruntukan cukai	24	(863)	-
Keuntungan selepas cukai dan zakat		18,728	17,916
Perolehan sesaham (sen)	25	8,29	7,93

*Penyata Pendapatan di atas hendaklah dibaca berdasarkan kepada nota-nota di muka surat 67 hingga 82*

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002 (26 SYAWAL 1423)**

	Saham Modal RM '000	Rizab Berkanun RM '000	Rizab Am RM '000	Keuntungan Terkumpul RM '000	Jumlah RM '000
Baki pada 1 Januari 2001	225,846	42,740	10,394	32,155	311,135
Keuntungan semasa	-	-	-	17,916	17,916
Pindahan kepada Rizab Berkanun	-	8,958	-	(8,958)	-
Baki pada 31 Disember 2001	225,846	51,698	10,394	41,113	329,051
Keuntungan bagi tahun semasa	-	-	-	18,728	18,728
Pindahan kepada Rizab Berkanun	-	9,364	-	(9,364)	-
Baki pada 31 Disember 2002	225,846	61,062	10,394	50,477	347,779

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002 (26 SYAWAL 1423)**

	2002	2001
	RM '000	RM '000
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN-KEGIATAN KENDALIAN</b>		
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	18,196	18,375
<b>Pelarasan bagi :</b>		
Peningkatan diskaun ditolak pelunasan premium	(29,609)	(30,361)
Susutnilai	11,434	9,314
Peruntukan pembiayaan lapuk dan ragu, selepas bayaran balik (Diambilkira semula)/peruntukan rosotnilai pelaburan	29,398	36,583
Dividen kasar dari sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan	(1,015)	7,123
Keuntungan dari jualan harta, kilang dan peralatan	-	(10)
Kerugian dari hapuskira harta, kilang dan peralatan	710	-
Keuntungan hasil daripada penjualan sekuriti-sekuriti pelaburan	(33,237)	(17,106)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(56,269)	(28,241)
Penambahan pembiayaan pelanggan (Penambahan)/penurunan dalam lain-lain penerimaan	(191,425)	(241,787)
(Penambahan)/penurunan dalam jumlah terhutang dari syarikat berkaitan (Penambahan)/penurunan dalam deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	(13,816)	23,372
Penambahan deposit dari pelanggan	(43,904)	293,461
Penambahan/(penurunan) dalam deposit dan penempatan bank dan institusi-institusi kewangan lain	(24,548)	51,400
Penurunan dalam jualan sekuriti di bawah perjanjian belibalk	1,064,100	638,787
Penambahan/(penurunan) dalam bil dan penerimaan belum bayar (Penurunan)/penambahan dalam lain-lain pembayaran	104,006	(370,000)
	(43,475)	(18,109)
	10,645	(4,246)
	(14,483)	42,178
Tunai dari kegiatan operasi	790,831	386,815
Pembayaran Zakat	(459)	(210)
Tunai bersih dari kegiatan operasi	790,372	386,605
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN</b>		
Pembelian Harta, Kilang dan Peralatan	(19,168)	(14,778)
Perolehan dari jualan Harta, Kilang dan Peralatan	-	68
Pelaburan dalam anak syarikat	-	(5)
Pembelian sekuriti pelaburan	(377,376)	(371,876)
Perolehan dari jualan pelaburan	34,309	4,782
Dividen diterima dari sekuriti dagangan dan pelaburan	52,146	52,159
Tunai bersih diguna dalam kegiatan pelaburan	(310,089)	(329,650)
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>		
Tunai bersih yang dijana dari kegiatan-kegiatan pembiayaan	-	-
<b>Kenaikan bersih di dalam tunai dan tunai setara</b>	480,283	56,955
<b>Tunai dan tunai setara pada awal tahun</b>	<b>1,195,441</b>	<b>1,138,486</b>
<b>Tunai dan tunai setara pada akhir tahun</b>	<b>1,675,724</b>	<b>1,195,441</b>
<b>Analisis tunai dan tunai setara :</b>		
Tunai dan baki bank	39,963	36,741
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	1,635,761	1,158,700
	<b>1,675,724</b>	<b>1,195,441</b>

## **NOTA-NOTA AKAUN - 31 DISEMBER 2002 (26 SYAWAL 1423)**

### **1. MAKLUMAT AM**

Bank berurusan dalam semua aspek perbankan dan perniagaan kewangan Islam berdasarkan kepada peruntukan bagi perkhidmatan yang berkaitan. Perbankan Islam dan perniagaan kewangan merujuk secara amnya kepada penerimaan deposit dan pemberian pembiayaan menurut kehendak prinsip-prinsip Syariah.

Jumlah kakitangan pada penghujung tahun adalah 1174 (2001:1154).

Bank adalah perbankan Islam berlesen di bawah Akta Perbankan Islam 1983, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat bagi Pejabat berdaftar Bank ialah Tingkat 28, Menara Bumiputra, Jalan Melaka 50100, Kuala Lumpur, Malaysia.

Pihak Bank memperolehi Lesen Perbankan Islam di bawah Akta Perbankan Islam 1983 daripada Bank Negara Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan berkuatkuasa pada 15 Mac 2002 (1 Muharram 1423).

Laporan ini disiarkan setelah mendapat mandat dari Lembaga Pengarah, bertepatan dengan resolusi pengarah pada 14 Mac 2003.

### **2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**

Akaun-akaun bank telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 diubahsuai mengikut Garispanduan Bank Negara Malaysia dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan menurut kehendak prinsip-prinsip Syariah.

### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

#### **(a) Konvensyen Perakaunan**

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah yang diubahsuai menurut kehendak prinsip-prinsip Syariah.

#### **(b) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan pembiayaan diiktiraf menurut asas perakaunan tunai mengikut kaedah kadar pulangan tetap.

Apabila sesuatu akaun tertunggak, pengiktirafan pendapatan pembiayaan akan digantung dan ia hanya akan diiktiraf bila bayaran tunai diterima. Akaun-akaun pelanggan dianggap sebagai pembiayaan tidak berbayar apabila bayaran tertunggak selama enam bulan atau lebih untuk pembiayaan, dan selepas tarik kematangan untuk bil-bil perdagangan dan penerimaan-penerimaan jurubank.

Pendapatan pelaburan diiktiraf apabila terlaksana.

#### **(c) Pengiktirafan Yuran-yuran dan lain-lain pendapatan**

Lain-lain yuran pengurusan pembiayaan dan komisen-komisen diiktiraf sebagai pendapatan selepas semua prasyarat dipenuhi.

Lain-Lain yuran dan yuran jaminan bank yang ketara diiktiraf sebagai pendapatan berasaskan pembahagian tempoh pembiayaan.

Dividen-dividen daripada sekuriti dagangan diiktiraf apabila diterima. Dividen-dividen



daripada sekuriti pelaburan diiktiraf apabila diisytiharkan.

### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING – samb**

#### **(d) Peruntukan Pembiayaan Lapuk dan Ragu**

Peruntukan-peruntukan khusus akan disediakan bagi pembiayaan ragu yang telah dikaji semula secara individu dan dengan khususnya dikenalpasti sebagai sub-standard, ragu dan lapuk. Akaun-akaun pelanggan dianggap sebagai tidak berbayar apabila tunggakan bayaran melebihi enam bulan untuk pembiayaan, dan selepas tarikh kematangan bagi bil-bil perdagangan, penerimaan-penerimaan jurubank dan resit-resit amanah. Dasar penggantungan pendapatan belum diperolehi adalah seperti terkandung di dalam " Garispanduan Penggantungan Pendapatan Belum Diperolehi ke atas Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu," Bank Negara Malaysia.

Peruntukan am juga disediakan berdasarkan peratusan yang ditetapkan ke atas portfolio pembiayaan untuk menampung kerugian yang tidak dapat dikenalpasti dengan khususnya.

Pembiayaan yang tidak berbayar atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapuskan selepas mengambilkira nilai cagaran yang boleh dihasilkan, jika ada, apabila pihak pengurusan berpendapat tiada prospek pungutan semula.

#### **(e) Perjanjian-perjanjian Belibalik**

Sekuriti-sekuriti yang dijual di bawah perjanjian belibalik adalah dikekalkan sebagai pelaburan atau dagangan di dalam portfolio dan diambilkira sewajarnya. Satu akaun liabiliti digunakan untuk mencatat iltizam untuk belibalik. Perbezaan di antara harga jualan dan belibalik mewakili perbelanjaan pendapatan dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dalam tempoh terma belibalik.

#### **(f) Pelaburan dalam anak-anak syarikat**

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan dalam kos. Perenggan 5 (4)(a) Jadual 9 dari Akta Syarikat 1965, membenarkan keputusan bagi anak syarikat tidak disatukan pada tahun semasa kerana ianya dimiliki sepenuhnya oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad.

#### **(g) Sekuriti Dagangan**

Sekuriti dagangan adalah sekuriti-sekuriti yang boleh dipasarkan, dibeli dan dipegang dengan tujuan untuk dijual balik dalam jangka pendek, dan dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai pasaran.

Pemindahan, jika ada, di antara sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan dibuat pada nilai terendah di antara kos dan nilai pasaran.

#### **(h) Sekuriti Pelaburan**

Sekuriti pelaburan adalah sekuriti-sekuriti yang diperolehi dan dipegang untuk hasil atau pertumbuhan modal atau untuk memenuhi kehendak kecairan aset minima menurut Seksyen 16 Akta Perbankan Islam 1983, dan lazimnya dipegang hingga matang.

Pelaburan di dalam Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia dinyatakan pada kos tetapi dipinda dengan peningkatan diskaun dan pelunasan premium.

Pelaburan dalam saham amanah dinyatakan pada nilai terendah antara nilai pasar atau kos.

Lain-lain sekuriti pelaburan dinyatakan pada nilai terendah antara nilai pasar atau kos.

Semua sekuriti pelaburan adalah ditaksir dari penyusutan nilai yang kekal yang mana akan dihapuskan di dalam penyata pendapatan tahun berkenaan.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING – samb

#### (i) Harta, Kilang dan Peralatan dan Susutnilai

Harta, Kilang dan Peralatan dinyatakan pada nilai kos ditolak susutnilai terkumpul. Tanah milik bebas tidak disusutkan dan kerja-kerja yang masih dalam pembangunan tidak dikira susutnilainya. Susutnilai untuk lain-lain aset dikira untuk memansuhkan kos mengikut kaedah susutan tetap ke atas anggaran jangka hayat bolehguna bagi aset-aset berkenaan. Kadar susutnilai tahunan yang utama adalah seperti berikut:

Bangunan	2.5%
Tanah pajakan jangka panjang	2.5%
Perabut pejabat dan peralatan	15%
Pembaikan bangunan dan pengubahsuaian	20%
Kenderaan bermotor dan peralatan komputer	20% -33.3%

Sekiranya nilai dibawa sesuatu aset melebihi amaun anggaran nilai ketara sebenar, aset tersebut dinilai turun kepada amaun nilai ketara sebenar.

#### (j) Pertukaran Matawang

Urusniaga dalam matawang asing di sepanjang tahun telah ditukarkan ke Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran menghampiri kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti bersifat kewangan dalam matawang asing pada tarikh lembaranimbangan dinyatakan pada kadar pertukaran berkuatkuasa pada tarikh lembaranimbangan. Keuntungan atau kerugian yang diperolehi daripada urusniaga matawang asing hanya diiktiraf apabila terlaksana bagi mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Kadar pertukaran digunakan pada akhir tahun adalah:-

	2002	2001
	RM	RM
US Dollar (USD)	3.800	3.800
Great Britain Pound (GBP)	6.092	5.516
Euro Dollar (Euro)	3.981	3.366
Japanese Yen (JPY100)	3.202	2.896
Singapore Dollar (SGD)	2.189	2.053
Australian Dollar (AUD)	2.149	1.939

#### (k) Bil dan Penerimaan Belum Bayar

Bil dan penerimaan belum bayar mewakili bil-bil dan penerimaan kepunyaan Bank sendiri yang didiskaun semula dan masih berada di pasaran.

